





**KEUNIKAN KARYA LUKISAN DINDING DI SEKITAR  
GEORGETOWN PULAU PINANG**

Oleh

**ANIS MASTURAH BINTI MUHSEIN**

Laporan ini dihantar bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda

Pengajian Warisan dengan Kepujian (Konservasi)

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2022

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Disahkan oleh:

ANIS MASTURAH

(Tanda tangan pelajar)

Tarikh : 21 FEBRUARI 2022

\_\_\_\_\_

(Tanda tangan penyelia)

Nama :

Tarikh:

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGHARGAAN

Rasa syukur dengan rahmat yang dilimpahkan oleh Allah SWT telah memberikan saya kesempatan yang sangat luas untuk menyelesaikan tugas tesis yang telah ditetapkan dengan sempurna dengan mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Saya Anis Masturah Binti Muhsein yang merupakan seorang mahasiswa dalam Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian di Universiti Malaysia Kelantan ingin memberikan sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Puan Nur Athmar binti Hashim diatas bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan kepada saya untuk menyiapkan tugas tesis ini sehingga pengakhiran dengan jayanya.

Seterusnya, penghargaan yang tinggi juga turut diberikan kepada kakitangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dalam membantu sedikit sebanyak dalam memberikan maklumat dan ilmu pengetahuan sepanjang saya menyiapkan tesis ini dengan sempurna.

Ucapan terima kasih yang tidak terucap dengan kata-kata ditujukan khas kepada kedua-dua ibu bapa saya kerana telah memberikan saya banyak sokongan tidak kira dari jauh mahupun dekat selain memberikan saya kewangan yang cukup bagi menyiapkan tesis ini. Adik-beradik yang tidak dilupakan juga turut diberikan sekalung penghargaan kerana telah memberikan nasihat dan tunjuk ajar di atas pengalaman yang lebih daripada diri saya sendiri. Turut diucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya juga yang telah memberikan bantuan dari segi pandangan dan idea yang bernas ketika saya menyiapkan tugas ini. Segala pengorbanan dan bantuan yang diberikan tidak dapat dibalaskan dengan kata-kata melainkan memberikan bukti apabila tesis ini sudah disiapkan dengan lebih sempurna.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini dilakukan sama ada pihak tersebut terlibat secara langsung ataupun

tidak. Semoga tesis ini yang telah disiapkan ini mampu memberikan manfaat dan kebaikan kepada masyarakat luar untuk dijadikan sebagai pengetahuan umum.

Sekian sahaja daripada saya, Terima Kasih.

Anis Masturah Binti Muhsein

C18A0042

Universiti Malaysia Kelantan



## ISI KANDUNGAN

### MUKA SURAT

<b>PERAKUAN TESIS</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>viii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>ix</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>x</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Pengenalan Kajian	1
1.2 Kajian Terdahulu	4
1.3 Latar Belakang Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Permasalahan Kajian	6
1.7 Lokasi Kajian	8
1.8 Kepentingan Kajian	9
1.9 Skop Kajian	10
1.10 Struktur Tesis	16
1.11 Rumusan Bab	18
<b>BAB 2 KARYA LUKISAN DINDING ATAU <i>MURAL PAINTING</i></b>	
2.1 Pengenalan	20
2.2 Karya Lukisan Dinding atau <i>Mural Painting</i>	20

2.3	Latar Belakang dan Sejarah Perkembangan	22
2.4	Pandangan Estetika	29
2.4.1	Garis	32
2.4.2	Rupa	33
2.4.3	Bentuk	34
2.4.4	Warna	35
2.4.5	Ruang	36
2.5	Rumusan Bab	38
 <b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>		
3.1	Pengenalan	39
3.2	Carta Aliran Proses Kajian	40
3.3	Sumber Primer	42
3.3.1	Pemerhatian	42
3.3.2	Soal Selidik	44
3.4	Sumber Sekunder	44
3.4.1	Kaedah Kepustakaan	45
3.5	Instrumen Kajian	46
3.5.1	Buku Catatan	46
3.5.2	Kamera	46
3.5.3	Borang Soal Selidik	46
3.6	Rumusan Bab	47
 <b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>		
4.1	Pengenalan	48
4.2	Keunikan Karya Lukisan Dinding di Bandar Georgetown	48

4.2.1 Penggunaan Barangan/Objek 3D	49
4.2.2 Aktiviti Masyarakat Setempat	51
4.2.3 Berada Di Celahan Bangunan	53
4.2.4 Pudar Tetapi Masih Terkenal	56
4.3 Analisis Dapatan Soal Selidik	58
4.3.1 Demografi Responden	58
4.3.2 Kepentingan Karya Lukisan Dinding Di Malaysia	61
4.4 Rumusan Bab	71
<b>BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
5.1 Pengenalan	72
5.2 Rumusan Keseluruhan Kajian	73
5.3 Cadangan	74
5.4 Penutup	75
<b>RUJUKAN</b>	<b>77</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>79</b>





## SENARAI RAJAH

### MUKA SURAT

Rajah 1.1 Peta Lokasi Kajian	9
Rajah 1.2 “Kids on a Bicycle”	12
Rajah 1.3 “I Want Pau”	12
Rajah 1.4 “Boy on a Bike”	13
Rajah 1.5 “Children Playing Basketball”	14
Rajah 1.6 “Children on the Swing”	16
Rajah 2.1 Hematit	25
Rajah 2.2 Lukisan Gua di Gua Tambun, Perak	25
Rajah 2.3 Imej Kapal Layar di Gua Mat Surat, Perak	27
Rajah 2.4 Lukisan “The Hall of the Bull”	29
Rajah 2.5 Elemen Garisan	33
Rajah 2.6 Elemen rupa “Geometrid dan Organik”	34
Rajah 2.7 Elemen Bentuk	35
Rajah 2.8 Elemen Warna	36
Rajah 2.9 Elemen Ruang	37
Rajah 3.1 Carta Aliran Proses Kerja Penyelidikan	40
Rajah 3.2 Survei di Sekitar Lebuah Cannon	43
Rajah 4.1 Barangan atau Objek 3d yang Digunakan	50
Rajah 4.2 Gambaran Aktiviti Seharian Masyarakat	52
Rajah 4.3 Kenderaan Beca yang Boleh Disewa	55
Rajah 4.4 Bangunan Kedai Lama di Sekitar Karya Lukisan Dinding	56
Rajah 4.5 Warna Karya Lukisan Dinding Kelihatan Pudar	57

Rajah 4.6 Pengetahuan Masyarakat Tentang	61
Maksud Karya Lukisan Dinding	
Rajah 4.7 Pandangan Masyarakat Terhadap Kepentingan	62
Karya Lukisan Dinding	
Rajah 4.8 Pengetahuan Masyarakat Tentang	64
Kewujudan Lukisan Dinding	
Rajah 4.9 Kepentingan Karya Lukisan Dinding Terhadap Anak Muda	65
Rajah 4.10 Dorongan Masyarakat terhadap	67
Kepentingan Karya Lukisan Dinding	
Rajah 4.11 Kepentingan Karya Lukisan Dinding	68
Terhadap Ekonomi Negara	

#### **SENARAI JADUAL**

Jadual 4.1 Analisis Data Demografi	60
Jadual 4.2 Analisis Data Kepentingan Karya Lukisan Dinding di Malaysia	70

# KEUNIKAN KARYA LUKISAN DINDING DI SEKITAR BANDAR PULAU PINANG

## ABSTRAK

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang mengupas dan membincangkan mengenai keunikan yang telah ditonjolkan oleh karya lukisan dinding yang berada di sekitar bandar Georgetown Pulau Pinang. Namun terdapat beberapa permasalahan yang timbul dalam mengekalkan penghasilan karya lukisan dinding ini. Antaranya adalah, wujudnya pihak yang tidak bertanggungjawab yang melakukan aktiviti yang tidak berfaedah seperti melakukan contengan terhadap karya lukisan dinding yang telah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa. Selain itu, kebanyakan masyarakat di Malaysia tidak memahami akan keunikan yang ingin disampaikan oleh sang pelukis terhadap lukisan dinding yang dihasilkan serta ada di antara masyarakat yang menganggap bahawa lukisan pada dinding bangunan ini telah mencemarkan keharmonian pandangan pelancong yang berkunjung ke Malaysia. Maka, kajian penyelidikan ini perlulah dijalankan bagi mengenal pasti keunikan karya lukisan dinding di bandar bagi mengetahui tentang karya lukisan ini menjadi tarikan utama terhadap pelancong dan mengkaji pandangan masyarakat terhadap kepentingan karya lukisan dinding di Malaysia. Kajian yang dijalankan ini adalah kajian yang menggunakan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Kaedah kualitatif ini adalah dimana pengkaji menggunakan bantuan kaedah kepustakaan dan melakukan kaedah pemerhatian ketika berada di kawasan lapangan. Manakala, kaedah kuantitatif pula adalah sebuah kaedah dimana pengkaji mengedarkan kajian soal selidik mendapatkan data mengenai pandangan masyarakat terhadap kepentingan karya lukisan dinding di Malaysia. Hasil dapatan yang diperolehi adalah keunikan yang telah ditonjolkan pada karya lukisan dinding di bandar Georgetown ini telah menarik perhatian ramai pelancong tidak kira dari dalam atau luar negara. Manakala, daripada pengedaran soal selidik kepada masyarakat ini telah menyatakan bahawa karya lukisan dinding membawa kepentingan terhadap individu, masyarakat dan negara. Oleh itu, karya lukisan dinding ini seharusnya dikekalkan kerana ianya bukan sahaja memberikan keunikan kepada negara malahan sedikit sebanyak telah menyumbang kepada ekonomi negara terutamanya industri pelancongan.

**Kata Kunci:** *Georgetown, Karya Lukisan Dinding, contengan, keunikan, pandangan, kepentingan*

## UNIQUENESS OF WALL PAINTING IN CITY OF GEORGETOWN PENANG

### ABTRACT

This research examines and discusses the uniqueness which has been highlighted by murals of art around the city of Georgetown, Penang. However, in maintaining the production of murals some matters have arisen. First, some irresponsible people do unprofitable activities such as scratching on wall paintings approved by the authorities. Furthermore, many Malaysian do not understand what the artist wants to convey from their art, some of them too think that the wall paintings on some buildings do not provide harmony to tourists visiting Malaysia. Therefore, this research aims to identify the uniqueness of wall painting in this city, which has become main attraction for our tourists, and to study opinions from communities about the second objective that should be the importance of wall painting work. This research uses two methods to get the findings: qualitative and quantitative. The qualitative is a method where the researcher uses librarian method and observation while doing field research as a help to get the findings. Meanwhile, in the second method, which is quantitative, the researcher is distributes a questionnaire to get data based on the community's views on the importance of murals in Malaysia. The uniqueness is highlighted in the works mural in Georgetown has attracted interest from tourists, whether from within or outside the country. Meanwhile, from the distribution of questionnaires to the community, it has been stated that wall painting can bring importance to individuals, society and the country. Therefore, this mural should be maintained because it gives uniqueness to Malaysia and can extend some contributions to the national economy, especially the tourism industry.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Berdasarkan kajian yang dijalankan pada peringkat ijazah ini adalah berkaitan dengan kajian yang mengkaji tentang keunikan karya lukisan dinding sekitar bandar Georgetown, Pulau Pinang. Kajian ini adalah melibatkan beberapa buah karya lukisan dinding di beberapa lebuhraya di bandar tersebut. Selain itu kajian ini mengkaji mengenai beberapa keunikan yang ada pada karya lukisan dinding dan kepentingannya terhadap individu, masyarakat dan negara. Daripada hasil dapatan kajian ini, dapat diperkatakan bahawa keunikan yang ada pada sebuah karya lukisan dinding ini sangat penting untuk dikekalkan dan diperkenalkan kepada generasi akan datang mahupun pelancong dari luar. Pada bab pertama dalam kajian ini, pengkaji akan menerangkan sedikit sebanyak idea pada beberapa subtopik yang penting iaitu kajian terdahulu, latar belakang, objektif, persoalan, permasalahan kajian, lokasi kajian, kepentingan kajian dan skop kajian.

#### 1.1.1 Pengenalan Kajian

Kajian ini adalah berkaitan tentang penyelidikan mengenai Keunikan Lukisan Dinding di sekitar bandar Georgetown Pulau Pinang. Sepertimana yang diketahui umum oleh masyarakat dari dalam dan luar negara, bahawa bandar Georgetown adalah sebuah bandar yang sangat terkenal dengan perjalanan kisah sejarahnya. Hal ini dikatakan kerana, perjalanan sejarah tersebut telah meninggalkan kesan yang mendalam sehingga menjadi tumpuan masyarakat dunia. Sebagai contoh, bandar Melaka dan Georgetown ini telah diangkat sebagai tapak warisan dunia oleh UNESCO (*United Nation Educational, Scientific and Cultural*) pada 7 Julai 2008 (Solihah Mustafa, Mazdi Marzuki, Ruzanna

Syamimi, Jabil Mapjabi, Mohammad Kadir & Mohamad Pirdaus, 2015). Bandar ini bukan sahaja terkenal dengan kesan dari sejarahnya sahaja tetapi terdapat sedikit kelainan yang telah menjadikan bandar ini semakin meningkat dari segi kunjungan pelancong.

Kelainan tersebut adalah karya Lukisan Dinding atau dipanggil sebagai “Street Art” oleh masyarakat setempat di Pulau Pinang. Lukisan Dinding atau *Street Art* merupakan sebuah lukisan yang dilukiskan pada dinding rumah kedai lama atau lorong-lorong di sesuatu kawasan yang sunyi bagi menaikkan keharmonian bangunan dan lorong tersebut. Lukisan yang dimaksudkan ini bukanlah sebuah lukisan biasa tetapi ianya adalah sebuah lukisan yang bersaiz besar dan memerlukan masa yang lama untuk menyiapkannya. Jika mengikut perkembangan, bandar Georgetown merupakan bandar pertama yang memperkenalkan karya lukisan dinding di Malaysia dan kemudian baru diikuti bandar lain seperti di Butterworth, Shah Alam dan lain-lain lagi.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014) telah memberikan maksud bahawa lukisan adalah hasil melukis atau gambaran yang membawa kepada sesuatu keterangan seperti menggambarkan sesuatu hal. Jika mengikuti pengajian sastera sebuah lukisan yang dihasilkan adalah ingin menyampaikan sebuah perasaan bagi seseorang atau pelukis itu sendiri kepada orang yang sedang melihatnya. Perasaan yang disampaikan itu disampaikan atas sebuah permukaan yang rata dan bersih (kertas/kanvas) sebelum diwarnakan dengan pelbagai warna yang bersesuaian. Manakala, lukisan dinding atau dikenali sebagai *Mural Painting* yang berasal daripada perkataan Latin iaitu “murus” yang memberikan maksud dinding. Maka, lukisan dinding adalah membawa maksud sebuah lukisan yang dilukis dan dilakar di atas sebuah dinding atau tembok dengan menggunakan warna yang sesuai sesebuah bangunan atau tempat bagi tujuan mengharmonikan (Wan Nurhasyimah Binti Apandi, 2018).

Namun, di sebalik sebuah karya lukisan tidak kira lukisan di atas kertas mahupun di dinding sudah semestinya mempunyai keunikan dan keindahan tersendiri. Tetapi, tidak semua masyarakat yang memahami mengenai keunikan yang ingin disampaikan melainkan orang yang tertentu sahaja seperti mereka yang cinta akan karya seni. Jika dilihat akan karya Lukisan Dinding di Georgetown ini adalah ingin menyatakan mengenai kehidupan masyarakat atau aktiviti seseorang individu pada ketika itu. Sebagai contoh, mungkin pelukis tersebut telah melihat sesuatu kejadian atau aktiviti yang nyata di depan matanya sehingga menyebabkan pelukis tersebut ingin menyampaikan dalam bentuk lukisan agar masyarakat lain mengerti akan situasi ketika itu.

Dalam penghasilan penyelidikan ini, pengkaji telah melakukan beberapa kajian seperti berkunjung ke beberapa buah karya lukisan dinding bagi mengenal pasti keunikan yang ingin disampaikan oleh pelukis. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, unik adalah membawa maksud berbeza atau lain daripada yang lain (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014). Maka, keunikan pula adalah bermaksud sesuatu yang membawa maksud perihal yang unik atau sifat yang lain daripada kebiasaannya. Kajian ini dijalankan di sekitar kawasan bandar Georgetown dan melibatkan beberapa buah lebu di sekitarnya. Hal ini dikatakan kerana, karya lukisan yang dicari dan ingin dikaji tentang keunikannya ini terlibat pada beberapa tempat atau lebu di bandar Georgetown. Dalam penyelidikan ini juga, pengkaji turut mencari maklumat berkaitan dengan cara dan proses untuk memelihara sebuah karya lukisan dinding bagi tujuan mengekalkannya dalam jangka masa yang panjang dan tidak rosak akibat oleh persekitaran mahupun manusia.

## 1.2 Kajian Terdahulu

Pada bahagian ini, pengkaji akan menerangkan beberapa kajian terdahulu yang mempunyai perkaitan dengan tajuk penyelidikan iaitu lebih kepada mencari keunikan yang dibawa oleh sebuah karya lukisan dinding. Dengan adanya bantuan daripada kajian yang lepas ini ianya sedikit sebanyak membantu dalam penyimpulan penyelidikan ini. Selain itu, kajian terdahulu ini membantu pengkaji dalam memberikan idea dan cara pengolahan yang betul, tersusun dan terperinci dalam menyiapkan tugas ini. Tidak terlepas juga bantuan kajian terdahulu ini boleh menjadi sumber ilmu tambahan dan pengetahuan selain daripada penyelidikan yang dijalankan sendiri.

Dalam menghasilkan projek penyelidikan ini, pengkaji telah menggariskan dan mengetengahkan beberapa pandangan dan hasil kajian terdahulu terutamanya dalam menjelaskan mengenai tentang keunikan dan cara-cara pemeliharaan sebuah lukisan dinding atau *Mural Painting*. Kajian yang pertama adalah mengenai tajuk penyelidikan iaitu keunikan yang dibawa oleh sebuah karya lukisan dinding. Hal ini dikatakan kerana, setiap yang dilukis oleh seseorang itu sudah tentu mempunyai mesej dan nilai yang tersendiri untuk dikongsikan oleh orang yang melihatnya. Mengikut kajian lepas yang dijalankan oleh Shaik Azahar Shaik Hussain telah menjelaskan pengertian disebalik perkataan karya lukisan dinding atau *Street Art* di bandar Georgetown iaitu bertajuk "Faktor Motivasi Pelancong Berkunjung ke Kawasan Karya Seni Jalanan di Georgetown Pulau Pinang (2015). Selain itu, turut dijelaskan dengan perkembangan karya lukisan dinding di bandar itu telah memberikan sedikit sebanyak sumbangan kepada negeri tersebut. Menurut Saiful Ikhmal Bin Zainodin (2018) dalam kajiannya iaitu "Seni Lukisan Jalanan Mural Dan Grafiti: Estetika dan Pandangan Masyarakat", bahawa setiap karya lukisan dinding ini adalah merupakan satu luahan perasaan oleh seseorang artis atau



pelukis untuk membangkitkan perasaan cinta akan sesuatu yang telah menjadikan lukisan itu sangat unik dan tidak sama akan lukisan yang lain.

Seterusnya, kajian lepas yang digunakan juga adalah mengenai kepentingan yang dibawa oleh perkembangan karya lukisan dinding. Hal ini dikatakan kerana, kepentingan ini adalah sangat penting bagi menentukan sesuatu keadaan pada masa akan datang. Jika kepentingan karya lukisan itu boleh mengembangkan dan memajukan negara itu adalah sangat sesuai untuk diangkat dan perlu diteruskan perkembangannya serta dikenali oleh masyarakat dalam dan luar negara. Kepentingan juga boleh membantu meningkatkan semangat seseorang manusia seperti mampu memberikan motivasi dalam menjalani kehidupan seharian.

### **1.3 Latar Belakang Kajian**

Kajian ini dijalankan adalah untuk menjelaskan akan keunikan yang dibawa oleh sebuah karya lukisan dinding di sekitar bandar Georgetown Pulau Pinang. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mencari keunikan yang disampaikan oleh seorang pelukis terhadap lukisannya. Hal ini kerana, setiap sebuah karya lukisan yang dilukiskan itu terdapatnya mesej yang tersendiri dan cara penyampaian yang tersendiri. Jika dilihat setiap pelukis itu mempunyai perasaan yang tidak sama maka setiap yang dilihat seperti lukisan yang sama itu sebenarnya adalah berbeza dari segi bentuk penyampaian. Selain itu, kajian ini ingin turut mengkaji pandangan masyarakat terhadap kepentingan karya lukisan dinding selepas wujudnya penghasilannya di Malaysia.

## 1.4 Objektif Kajian

Antara objektif kajian yang telah diketengahkan di dalam penyelidikan ini adalah:

- 1.4.1 Untuk mengenal pasti keunikan bagi karya lukisan dinding di bandar Georgetown
- 1.4.2 Untuk mengkaji pandangan masyarakat terhadap kepentingan karya lukisan dinding di Malaysia.

## 1.5 Persoalan Kajian

Dalam menjalankan penyelidikan ini terdapatnya beberapa persoalan yang dikemukakan.

Antaranya:

- 1.5.1 Apakah keunikan yang boleh didapati pada setiap karya lukisan dinding di bandar Georgetown?
- 1.5.2 Apakah pandangan masyarakat terhadap kepentingan karya lukisan dinding di Malaysia?

## 1.6 Permasalahan Kajian

Ketika menjalankan penyelidikan ini terdapat beberapa permasalahan yang dihadapi oleh pengkaji. Antaranya ialah:

### 1.6.1 Kerosakan karya lukisan dinding yang menjejaskan tujuan asal penyelidikan.

Berdasarkan pemerhatian yang telah dijalankan oleh pengkaji terhadap karya lukisan dinding di sekitar bandar Georgetown, kebanyakan lukisan ini telah mengalami kerosakan yang agak teruk disebabkan oleh faktor persekitaran dan manusia juga. Hal ini dikatakan kerana, kebanyakan karya lukisan dinding yang menjadi tumpuan orang ramai ketika dulu sudah semakin pudar warnanya dan kotor disebabkan oleh keadaan sekeliling

seperti asap kenderaan dan perubahan cuaca yang tidak menentu. Malahan, kebanyakan *props* yang digunakan atau objek yang digabungkan dengan karya tersebut boleh dikatakan sudah mengalami kerosakan seperti hilang dan tertanggal. Hal ini telah menyukarkan bagi pengkaji untuk melakukan penyelidikan mengenai keunikan karya tersebut.

Menurut sang pelukis yang mengambil bahagian dalam penghasilan karya lukisan dinding ini iaitu Muhammad Suhaimi (27 tahun), Muhamad Firdaus (26 tahun) dan Abdul Hadi Ramli (27 tahun), kebanyakan seperti ini mudah mengalami kerosakan adalah disebabkan oleh wujudnya “tangan-tangan jahat” yang mengambil tindakan dengan menconteng lukisan dinding tersebut dengan menggunakan *penyembur cat*. Sebagai contoh, penghinaan yang pernah terjadi terhadap karya lukisan dinding adalah terdapatnya suspek yang berani menuliskan perkataan-perkataan yang tidak sedap untuk disebut dan didengari pada karya lukisan dinding yang bertemakan wajah-wajah pemimpin di Malaysia sehingga menyebabkan lukisan itu terpaksa dipadam. Meskipun, perkara sebegini telah berlaku tetapi ianya tidak menjadi penghalang kepada pelukis untuk meneruskan karya mereka malah perkara tersebut menjadi pembakar semangat diri mereka untuk melukis dalam bentuk yang lebih besar. (Ridaudin Daud, 2020)

#### **1.6.2 Kurangnya kemahaman terhadap keunikan yang ingin dibawa oleh karya lukisan dinding.**

Selain itu, permasalahan yang dihadapi oleh pengkaji ketika menjalankan penyelidikan ini adalah di mana majoriti masyarakat kini tidak mengetahui serta tidak memahami akan keunikan bagi sebuah lukisan dinding yang dilukiskan pada beberapa lebuah di sekitar bandar tersebut. Kebanyakan masyarakat tersebut hanya menganggap lukisan itu seperti sebuah lukisan biasa dan tujuan mereka berkunjung ke tempat hanyalah


kerana karya lukisan dinding menjadi tarikan kepada pelancong yang datang. Hal ini boleh mewujudkan masyarakat yang tidak peka dalam sesuatu maksud kesenian yang semakin berkembang. Selain itu, terdapat juga masyarakat yang masih menganggap bahawa karya lukisan dinding sebagai satu contengan yang boleh merosakkan keharmonian dan menjejaskan pandangan mata kepada pelancong yang berkunjung ke Malaysia meskipun karya lukisan itu telah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa untuk meneruskan hasrat sang pelukis. (Saiful Ikmal Bin Zainodin, 2018)

### **1.7 Lokasi Kajian**

Georgetown merupakan ibu negeri kepada Pulau Pinang yang berada di Daerah Timur Laut. Bandaraya ini merupakan bandaraya kedua terbesar selepas bandaraya Melaka yang berkeluasan 47.41 batu persegi (5.4141 (N), 100.3288 (E)). Bandaraya ini turut dikenali sebagai Tanjung yang telah dipisahkan dengan Seberang Perai di Tanah Besar Semenanjung Malaysia oleh Selat Melaka. Purata penduduk di bandar mengikut jantina pada tahun 2020 ialah lelaki sebanyak 287.2 dan perempuan 301.0 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Bandaraya ini turut mempunyai pelbagai tempat yang menarik seperti di bahagian barat terdapatnya Bukit Bendera manakala di bahagian utara pula terdapatnya pantai-pantai yang sangat cantik yang tidak lekang dengan kehadiran pelancong iaitu Tanjung Bungah dan Batu Feringghi.

Bagi menjalankan penyelidikan ini, pengkaji telah memilih untuk menjalankan penyelidikan terhadap beberapa karya lukisan dinding yang berada di sekitar bandar Georgetown Pulau Pinang (Rajah 1.1) yang berada di kedudukan 5.4148118 (N), 100.336547 (E) yang beralamat 316, Beach St Georgetown, 10300 George Town Penang. Hal ini disebabkan kerana, Pulau Pinang merupakan salah satu bandar yang semakin popular dengan kemajuan dalam pelancongan dari segi warisan dan tidak terlepas juga

dengan pelancongan yang melibatkan karya lukisan dinding ini. Malahan, Pulau Pinang juga merupakan antara negeri yang pertama yang dapat mempopularkan hasil karya lukisan dinding atau *Street Art*. Namun, karya lukisan ini bukan hanya tertumpu pada satu kawasan sahaja tetapi ianya melibatkan beberapa lebuah yang ada di sekitar bandar Georgetown. Bagi melihat keindahan dan mempunyai pengalaman untuk melihat karya tersebut masyarakat boleh memilih untuk melihatnya dengan menaiki kenderaan sewa seperti motosikal dan basikal atau memilih untuk berjalan kaki.



Rajah 1.1: Menunjukkan peta lokasi kajian.

Sumber: <https://www.google.com.my/maps/@5.412508,100.3205717,7.164m/data=!3m1!1e3>

## 1.8 Kepentingan Kajian

Kepentingan terhadap Karya Lukisan Dinding adalah terbahagi kepada beberapa kategori iaitu kepentingan terhadap individu, masyarakat dan negara. Pembahagian ini dilakukan adalah untuk melihat dengan lebih jelas dan terperinci kebaikan yang diberikan daripada perkembangan karya lukisan dinding di dunia. Kepentingan yang pertama adalah

kepentingan dari sudut individu iaitu mampu memotivasikan diri sendiri dengan cara menjadikan pelukis-pelukis lukisan dinding sebagai contoh untuk memenuhi masa dengan perkara berfaedah dan memberikan keuntungan kepada diri sendiri. Hal ini dikatakan kerana, individu yang sudah meningkat remaja kini sering menghabiskan masa yang ada dengan perkara yang tidak memberikan faedah kepada diri sendiri. Selain itu, dari sudut masyarakat pula wujudnya masyarakat yang menyokong dan membantu dalam memajukan kemajuan karya anak seni. Dengan adanya sokongan yang lebih banyak terutamanya ibu bapa yang menyokong dengan minat anak mereka ianya boleh membantu dan memberikan suntikan semangat untuk mereka meneruskan lagi kemajuan kehidupan mereka. Disamping itu pula, kepentingan karya lukisan dinding kepada negara ini adalah mampu mengharmonikan sebuah kawasan yang mungkin diabaikan bertahun lamanya dengan memberikan idea dan sumbangan yang boleh memberikan sumbangan seperti tarikan pelancong yang lebih ramai berbanding sebelumnya sekaligus dapat membantu dalam meningkatkan pendapatan ekonomi negara.

### **1.9 Skop Kajian**

Kajian penyelidikan ini adalah dijalankan di sekitar bandar Georgetown dan hanya empat lebuah sahaja yang telah dipilih untuk dijadikan sebagai tempat kajian. Pada setiap lebuah yang dinyatakan ini adalah mewakili sebuah karya lukisan dinding dan satu lebuah mewakili dua karya yang menjadi tarikan utama pelancong yang hadir. Perbezaan lebuah dan tempat ini akan memberikan pengalaman dan aktiviti berjalan sambil menikmati pandangan dan keindahan lukisan dinding malahan kawasan tersebut. "*Pelangi Selepas Hujan*" yang bermaksud apabila sudah ditimpa pelbagai dugaan akan terima sesuatu yang indah dan tenang sama seperti kajian ini apabila sudah melalui setiap lebuah di bawah

matahari terik kemudiannya karya lukisan dinding yang dihadiahkan. Antara lebuah dan tempat yang menjadi tumpuan dalam kajian penyelidikan ini adalah:

### **1. Lebuah Armenian**

Lebuah ini adalah antara lebuah yang terkenal dengan pelbagai kemudahan dan keistimewaan walaupun ianya popular dan terkenal disebabkan oleh karya Lukisan Dinding "*Kids On A Bicycle*" dan "*I Want Pau*" malahan turut dihuni dengan bangunan kedai lama dan kafe minuman yang sangat menarik. Jalannya yang lurus dan dikelilingi pula dengan reka bentuk dan corak bangunan ini telah menaikkan lagi perhatian pelancong dan masyarakat setempat untuk berkunjung ke situ. Selain itu, untuk mengenali lebuah Armenian ini lebih dekat adalah lebuah ini berhampiran dengan dua buah bangunan muzium iaitu Muzium Islam Pulau Pinang dan Muzium Sun Yat-sen. Lebuah ini sudah menjadi pilihan utama pelancong yang berkunjung ke negeri Pulau Pinang walaupun harus ditempuh kepanasan cahaya matahari untuk melihat keunikan lebuah tersebut.



Rajah 1.2: "Kids On A Bicycle".

Sumber: <https://thetravelintern.com/georgetown-street-art/>



Rajah 1.3: "I Want Pau".

Sumber: <https://thetravelintern.com/georgetown-street-art/>



## 2. Lebuh Ah Quee

Lebuh Ah Quee merupakan sebuah jalan yang dibina perkampungannya terlebih dahulu berbanding namanya. Jika mengikut sejarah, lebuh Ah Quee ini telah dimiliki oleh keturunan atau organisasi kapitan Chug Keng Kwee dan telah diserahkan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Lebuh ini mempunyai pelbagai jenis karya lukisan dinding namun hanya satu sahaja yang menjadi fokus dalam kajian ini.



Rajah 1.3: *"Boy on A Bike"*.

Sumber: <http://www.penang.ws/penang-attractions/penang-street-art.htm>

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 3. Lebu Chulia

Lebu Chulia merupakan sebuah lebu yang tertua di antara semua lebu di Georgetown dan dipengaruhi dengan masyarakat kaum India Muslim dan Cina. Hal ini dikatakan kerana, lebu ini ditemui pada tahun 1786 (<http://www.penang.ws/penang-attractions/penang-road.htm>). Selain itu, Lebu Chulia ini turut dipenuhi dengan aktiviti perniagaan terutamanya dalam perkhidmatan perhotelan seperti asrama dan rumah untuk disewa memandangkan Georgetown telah diisytiharkan sebagai *World Heritage Site* sehingga menyebabkan lebu-lebu ini semakin maju termasuklah lebu Chulia. Ketika melakukan kajian lapangan, didapati bahawa lebu ini semakin sesak dengan kenderaan yang menjadikan lebu itu sebagai laluan utama untuk meneruskan perjalanan ke lebu Canon yang berhampiran dengan stesen bas dan teksi.



Rajah 1.4: "Children Playing Basketball".

Sumber: <https://foursquare.com/v/penang-street-art-children-playing-basketball/50e2ae60e4b0f2168afdd180>

#### 4. Jalan Penang

Jalan Penang atau *Penang Street* ini sangat terkenal dalam kalangan masyarakat India di Pulau Pinang. Hal ini dikatakan kerana, lebuhraya ini jika dilihat semula telah dihuni penuh oleh masyarakat India dari segi perniagaan makanan, perkhidmatan, pakaian dan sebagainya adalah dijalankan oleh orang India. Selain daripada populariti karya lukisan dinding, Jalan Penang turut mempunyai keistimewaan atau tarikan yang lain iaitu jalan ini terkenal dengan terdapat sebuah pasar yang dikenali sebagai “Little Penang Street Market” yang sering dibuka pada setiap hari Ahad. Di sini terdapatnya pelbagai perniagaan yang mampu menarik perhatian pelancong mahupun masyarakat tempatan. Sebagai contoh, kawasan ini mempunyai perniagaan seperti kedai yang menjual makanan dan kraftangan. Turut terkenal dengan kedai buku yang kelihatan estetik sekali yang mampu menarik perhatian masyarakat muda yang suka mengumpul buku dan membaca (<http://www.penang.ws/penang-attractions/penang-road.htm>).



Rajah 1.5: "Children on The Swing".

Sumber: <https://www.onlypenang.com/penang-attractions/penang-street-art-children-on-the-swing-louis-gan/>

## 1.10 Struktur Tesis

### 1.10.1 Bab 1: Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan hanya menjelaskan serta menfokuskan mengenai struktur penyelidikan ini dijalankan seperti telah menjelaskan secara umum mengenai maksud karya lukisan dinding dan bagaimana ianya menjadi unik pada mata masyarakat yang cinta akan kesenian. Tidak terlepas juga, pengkaji turut mengetengahkan beberapa objektif kajian yang wujud daripada beberapa persoalan di dalam kajian ini. Selain itu, permasalahan yang dihadapi oleh pengkaji ini turut menjadi sumbangan kepada penyelidikan ini agar untuk diteruskan untuk mencapai tujuan asal penyelidikan ini dijalankan. Turut diperjelaskan juga di dalam bab ini mengenai peta bandar Georgetown

yang menjadi lokasi atau tempat penyelidikan yang dijalankan dan hanya melibatkan beberapa lebuah sahaja.

### **1.10.2 Bab 2: Kajian Literatur**

Dalam bahagian ini pengkaji akan menerangkan sedikit sebanyak mengenai latar belakang dan sejarah perkembangan karya lukisan dinding atau *mural painting* dalam bidang seni lukisan. Walaupun sudah dikenali akan karya lukisan oleh masyarakat tetapi sejarah dan asal usulnya masih lagi kurang diketahui oleh masyarakat kini dan generasi muda. Selain itu, bab ini juga turut menerangkan tentang beberapa perkembangan lukisan dinding dari zaman dahulu sehingga berkembang menjadi moden dan dikenali. Seterusnya, pengkaji akan turut menjelaskan tentang elemen-elemen utama dari sudut pandangan estetika yang penting dalam karya seni lukis sebelum wujudnya karya seni yang cantik dan indah.

### **1.10.3 Bab 3: Metodologi Kajian**

Dalam bahagian ini pula, pengkaji akan menerangkan mengenai metodologi kajian atau kaedah yang digunakan bagi mencapai dua objektif yang telah ditetapkan. Metodologi kajian ini merupakan satu langkah atau proses yang digunakan oleh setiap pengkaji untuk mencari maklumat dan data yang penting bagi menyempurnakan setiap sudut kajian penyelidikan ini. Sebagai contoh, terdapatnya kaedah kajian yang berkonsepkan kaedah kualitatif dan kuantitatif dimana keduanya mempunyai perbezaan dalam mencari dan mencapai maklumat dan data.

#### **1.10.4 Bab 4: Dapatan Kajian**

Seterusnya bab 4 pengkaji akan menjelaskan capaian hasil dapatan kajian yang telah diperolehi dengan mengikuti objektif yang telah ditetapkan. Pencapaian maklumat dan data dalam bahagian ini diperolehi mengikut carta alir dan kaedah kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji sendiri. Dalam bahagian ini pengkaji telah memperolehi maklumat mengenai keunikan yang terdapat pada hasil karya lukisan dinding di bandar Georgetown dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu melakukan pemerhatian ketika melakukan kajian di lapangan dan menggunakan bantuan kepustakaan. Selain itu, kaedah kuantitatif telah digunakan dengan mengedarkan borang soal selidik secara rawak bagi memperolehi analisis data mengenai pandangan masyarakat terhadap kepentingan karya lukisan mural di Malaysia.

#### **1.10.5 Bab 5: Rumusan dan Cadangan**

Akhir sekali, bahagian ini akan menjelaskan secara ringkas mengenai hasil dapatan kajian yang telah dicapai oleh pengkaji dalam penyelidikan ini. Manakala terdapatnya cadangan yang dikemukakan kepada kajian yang akan datang bagi meneruskan kajian ini dengan lebih teliti dan padat.

### **1.11 Rumusan Bab**

Karya lukisan dinding ini adalah merupakan satu usaha yang dilakukan oleh generasi pelukis untuk mengharmonikan sesebuah kawasan. Selain itu, ianya adalah sebuah karya yang mempunyai mesej yang tersirat yang ingin disampaikan oleh artis atau pelukis kepada masyarakat luar. Keunikan yang dibawa oleh setiap karya yang dilukiskan adalah bergantung kepada seorang pelukis itu sendiri dan ianya adalah berbeza pendapat

walaupun lukisan itu kelihatan seperti biasa. Dengan pemahaman mengenai keunikan ini dapat melahirkan masyarakat yang cinta akan kesenian.

Dalam bab ini pengkaji telah melakukan beberapa pemerhatian terhadap karya lukisan dinding bagi memperolehi objektif kajian yang ingin dilakukan setelah pelbagai persoalan dan permasalahan yang wujud dalam menjalankan penyelidikan. Segala yang ditetapkan dalam penyelidikan ini adalah bertujuan memudahkan lagi dan konsep keutamaan yang ingin dijalankan. Disamping itu, pemilihan lokasi yang telah dirancang sepertimana yang ditetapkan akan memudahkan kerja-kerja penyelidikan yang ingin dilakukan walaupun perlu menuju ke beberapa buah tempat yang berbeza. Semua yang diterangkan ini adalah perancangan yang perlu diikuti dan dilakukan secara berperingkat tanpa mengundang permasalahan yang tidak kira sebelum, semasa dan selepas penyelidikan dijalankan.

## BAB 2

### KARYA LUKISAN DINDING ATAU *MURAL PAINTING*

#### 2.1 Pengenalan

Di dalam bab ini akan menyatakan beberapa kajian literasi atau kajian terdahulu yang telah dijalankan dalam membantu penyelidikan ini terus berjalan dengan mengikuti proses yang telah ditetapkan. Kajian terdahulu yang telah menjelaskan latar belakang dan sejarah perkembangan serta beberapa keunikan yang dibawa karya lukisan telah diketengahkan di bahagian skop kajian. Kajian terdahulu ini telah dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada pengkaji dalam menyiapkan penyelidikan ini. Malahan dengan adanya rujukan kajian terdahulu ini mampu mencapai skop kajian yang telah dinyatakan.

Tujuan kajian literasi atau kajian terdahulu juga adalah bertujuan untuk menerangkan penyelidikan yang akan dijalankan berpandukan dengan maklumat dan data yang benar dengan mempunyai perkaitan dengan penyelidikan yang ini dijalankan. Di dalam bab 2 ini, pengkaji akan menjelaskan serba sedikit mengenai latar belakang dan sejarah perkembangan serta keunikan yang dibawa oleh karya lukisan dinding yang popular dalam masyarakat.

#### 2.2 Karya Lukisan Dinding atau *Mural Paintings*

Lukisan bermaksud sebuah lakaran yang dilukiskan oleh seorang artis atau pelukis membawa pelbagai bentuk dan warna di atas sebuah kertas atau kanvas. Lukisan yang dilukiskan ini adalah luahan sebuah perasaan seseorang terhadap sesuatu tetapi



disampaikan dengan cara yang berbeza iaitu dengan cara lakaran menunjukkan sesuatu seperti pemandangan, manusia, haiwan, abstrak dan pelbagai lagi. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2014), dinding adalah bermaksud ruangan besar yang menjadi sebahagian penutup sesebuah rumah, bilik dan ruang yang diperbuat daripada kayu mahupun batu. Jika dilihat pada maksud yang umum di mana diketahui oleh masyarakat dinding merupakan sebuah ruang yang menjadi tunjang kepada sesebuah bangunan agar ianya mampu berdiri dengan teguh.

Lukisan dinding atau *Mural Painting* adalah berasal daripada perkataan Latin iaitu “murus” yang bermaksud dinding ini adalah sebuah lukisan yang dilukiskan pada sebuah dinding yang terbuka dan bersih di sesebuah bangunan seperti bangunan rumah kedai dan lorong-lorong yang panjang dan sukar untuk di lihat (Saiful Ikhmal bin Zainodin, 2018). Lukisan dinding ini adalah sama seperti lukisan biasa tetapi hanya mampu dibezakan lukisan dinding ini dilukiskan dengan bentuk dan saiz dua kali ganda besarnya. Kewujudan karya ini pada dinding dan lorong bangunan ianya mampu memberikan keharmonian terhadap sesebuah kawasan kerana kawasan tersebut sudah semestinya dikunjungi oleh masyarakat dalam mahupun luar negara.

Menurut Saiful Ikhmal Bin Zainodin di dalam kajian iaitu “Seni Lukisan Jalanan Mural & Grafiti: Estetika & Pandangan Masyarakat” (2018), telah menyatakan bahawa seni adalah sesuatu perkara yang sangat luas bidangnya seperti seni tari, seni muzik, seni rupa dan termasuk seni visual. Karya lukisan dinding ini merupakan satu seni visual yang melibatkan kreativiti yang boleh mewujudkan keunikan yang tersendiri dengan adanya buah pemikiran seorang artis atau pelukis yang unik dan kreatif. Sebagai contoh, setiap karya lukisan dinding yang dilukiskan ke atas sebuah dinding adalah mempunyai satu pengajaran, mesej, nasihat dan nilai keunikan yang tersendiri. Perbezaan antara dua

lukisan iaitu lukisan di atas kanvas dan karya lukisan dinding adalah dari segi masanya. Jika lukisan biasa disiapkan dalam jangka masa yang pendek namun mustahil bagi lukisan dinding untuk disiapkan dalam masa satu hari sahaja.

Di samping itu, karya lukisan ini sedikit sebanyak telah memberikan sumbangannya dalam meningkatkan sektor ekonomi terutamanya dalam industri pelancongan. Hal ini dikatakan kerana, perkembangan karya lukisan dinding yang membawa kepada keunikan seperti permainan warnanya, susunan bentuk yang mempunyai gabungan dengan beberapa barang nyata bukan sahaja telah mengharmonikan lorong-lorong yang suram tetapi dinding yang melibatkan bangunan perniagaan. Hal ini telah menarik perhatian masyarakat dalam negara dan pelancong asing yang gemar dalam aktiviti mengembara. Tambahan pula keunikan yang disampaikan oleh karya lukisan dinding yang ada di Malaysia adalah berkonsepkan aktiviti harian, sejarah, warisan dan pelbagai lagi (Harian Metro, 2019)

### **2.3 Latar Belakang dan Sejarah Perkembangan**

Mengikut perkembangan zaman Prasejarah, negara Malaysia telah mengalami tiga jenis perkembangan zaman di mana ianya merupakan zaman yang dilalui oleh manusia purba. Antaranya adalah zaman Paleolitik dimana zaman tersebut manusia terdahulu telah menggunakan peralatan seperti batu dalam meneruskan kehidupan mereka seperti batu digunakan bertujuan untuk memburu binatang dan mencari hasil hutan untuk dijadikan sebagai makanan. Namun telah berlakunya perkembangan kehidupan manusia apabila wujudnya pula zaman Mesolitik di mana manusia pada zaman ini telah meningkatkan perkembangan mereka dengan adanya peralatan-peralatan yang digunakan adalah diperbuat daripada gangsa. Seterusnya, perkembangan zaman prasejarah manusia berterusan dengan wujudnya pula dengan zaman Neolitik. Zaman ini

adalah merupakan zaman di mana manusia dahulu mula dengan perkembangan dari segi penempatan, aktiviti kehidupan, peralatan yang digunakan dan pelbagai lagi. Namun, terdapat sedikit pengetahuan di mana pada zaman bermulanya perkembangan kehidupan manusia inilah telah wujudkan lukisan purba yang ingin disampaikan oleh manusia dari awal zaman pada zaman seterusnya.

Menurut Adnan Jusoh, Yunus Sauman @ Sabin dan Zuliskandar Ramli (2017), lukisan gua yang ditemui adalah dikenali oleh masyarakat sebagai “Lukisan Purba” atau dalam bahasa inggeris dipanggil sebagai “*rock painting*”. Lukisan ini adalah sebuah lukisan yang dilukis atau dikikir di atas permukaan dinding gua yang menjadi tempat tinggal masyarakat dahulu. Gambaran yang ditinggalkan ini adalah bertujuan untuk menyampaikan cerita tentang kehidupan masyarakat ketika itu seperti aktiviti harian yang dilakukan peralatan yang digunakan dan binatang yang menjadi buruan masyarakat ketika itu. Malahan turut diperkatakan dalam kajian ini bahawa gambaran binatang yang dikikirkan pada dinding gua ini kebiasaannya mengikut kawasan penempatan masyarakat ketika itu sebagai contoh jika lokasi penemuan lukisan gua itu di kawasan gurun, binatang yang telah dikikirkan pada dinding gua adalah binatang yang bermotifkan unta atau binatang yang hidup di kawasan seperti itu. Manakala jika penempatan di kawasan sejuk atau tundra, binatang yang telah dijelaskan oleh masyarakat dahulu adalah seperti rusa, *bison*, *ibexes* atau beruang. Hal ini dapat disimpulkan bahawa, lukisan pada dinding gua yang dijumpai adalah satu visual yang ditonjolkan oleh masyarakat dahulu mengenai perkara yang berada di persekitaran mereka dan mencuba untuk memberikan informasi kepada masyarakat yang akan datang.

Selain itu, dalam kajian ini juga telah memperjelaskan mengenai tiga teknik atau kaedah yang digunakan oleh masyarakat dahulu untuk melakarkan pada dinding gua.

Antaranya adalah Petroglif (*Petroglyph*) yang merupakan satu lakaran imej yang dipahat, dilorek atau digoreskan pada permukaan batu dengan menggunakan alatan yang tajam atau keras. Seterusnya adalah Piktograf (*Pictograph*) iaitu lakaran yang dilukiskan secara langsung pada permukaan batuan gua dengan menggunakan bahan seperti arang, tulang yang dibakar atau tanah liat (bahan yang mempunyai sifat berwarna). Yang terakhir adalah *Hand Stencil* merupakan lukisan yang menggunakan tangan dan semburan. Sebagai contoh, tangan dijadikan sumber dengan meletakkannya pada permukaan batu gua dan kemudiannya disemur dengan menggunakan warna yang telah dipilih atau teknik ini dilakukan dengan cara mencelupkan tangan ke dalam bahan pewarna kemudian dilekatkan pada batu gua sehingga terhasilkan cop tapak tangan.

Sementara di Semenanjung Malaysia, lukisan gua yang dijumpai itu kebanyakannya telah menggunakan kaedah Pektograf dimana telah menggunakan bahan yang mengeluarkan warna. Sebagai contoh, dalam kajian ini telah dijelaskan bahawa lukisan gua yang dijumpai tersebut telah menggunakan suatu bahan yang mengeluarkan warna hitam dan gelap. Selain itu, hematit juga merupakan salah satu bahan yang digunakan dimana ianya telah mengeluarkan warna kemerahan. Rajah 2.1 dan rajah 2.2 contoh bahan yang dikenali sebagai hematit dan motif lukisan gua yang dijumpai dimana menggunakan bahan hematit adalah di Gua Tambun, Perak.



Rajah 2.1: Menunjukkan hematit

Sumber: <https://www.facebook.com/nationalmuseumkl/photos/a.319874851383724/319879764716566/?type=3>



Rajah 2.2: Menunjukkan lukisan gua di Gua Tambun, Perak

Sumber: <https://ejournal.um.edu.my/index.php/MALINDO/article/download/21196/10786/45451>

Menurut kajian ini lagi, antara motif yang dijumpai pada dinding-dinding gua di Semenanjung Malaysia antaranya adalah motif manusia. Kebanyakan motif manusia yang dijumpai ini ianya merupakan manusia yang digoreskan dalam bentuk garisan seperti orang lidi yang sedang melakukan sesuatu aktiviti seperti menari, memburu dan berperis. Selain itu, lukisan gua yang bermotifkan binatang atau haiwan adalah seperti tapir, dugong, monyet dan pelbagai lagi yang telah menjadi binatang buruan masyarakat pada ketika itu. Alam semula jadi seperti imej pokok juga turut kelihatan pada lukisan gua yang ditemui dimana masyarakat ingin memberitahu mengenai persekitaran mereka ketika itu. Seterusnya, abstrak juga antara motif yang dikikir oleh masyarakat dahulu. Motif ini antara motif yang sukar untuk diketahui akan maksud yang ingin disampaikan. Hal ini dikatakan kerana, lukisan gua yang bermotifkan abstrak telah dikikir namun tidak siap atau kemahiran melukis masyarakat ketika itu akan terbatas. Sebagai contoh, lukisan yang dijumpai itu adalah seperti bentuk lurus, melengkung dan garisan yang diputuskan. Motif kapal layar juga turut dijumpai di sekitar gua di negeri Perak yang bermaksud mungkin sudah wujudnya perhubungan masyarakat tempatan dengan dunia luar sehingga telah mengubah sedikit pengaruh kehidupan mereka dengan melakukan aktiviti perdagangan, penerokaan, kelautan dan sebagainya. Hal ini dapat dilihat bahawa kebanyakan lukisan gua yang ditemui ini adalah masyarakat zaman dahulu ingin menceritakan tentang kehidupan dan persekitaran mereka ketika itu kepada manusia yang seterusnya.



Rajah 2.3: Menunjukkan imej kapal layar di Gua Mat Surat, Perak

Sumber: *Lukisan Gua Di Semenanjung Malaysia: Motif Dan Simbolisme Serta Kaitannya Dengan Sosiobudaya Masyarakat Setempat.*

Antara lokasi yang dijumpainya lukisan purba di Malaysia adalah di Gua Tambun Perak yang dipercayai ditinggalkan oleh masyarakat ketika zaman Neolitik. Lukisan yang ditemui ini adalah sebuah gambaran yang dikikir dan bermotifkan manusia dan binatang seperti babi hutan, tapir dan harimau. Selain itu, di Kelantan pula lukisan purba yang ditemui adalah di Gua Batu Cincin dimana ianya telah dijumpai sekitar tahun 1993 dan dilukiskan menggunakan arang serta membawa motif sekumpulan manusia yang sedang melakukan aktiviti seperti menari dan lukisan yang membawa maksud seperti sebuah kepercayaan seperti menunjukkan simbol kesuburan. Kebanyakan lukisan purba yang dijumpai ini adalah membawa motif yang sama iaitu manusia dan haiwan namun terdapat juga bentuk seperti abstrak dan garisan. Namun, penemuan lukisan purba ini adalah dipercayai untuk tujuan berkomunikasi dengan manusia sekarang bahawa sesetengah daripada aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat sekarang adalah merupakan perkara yang dilakukan oleh masyarakat yang terdahulu.

Selain itu, dalam kajian yang bertajuk Sejarah dan Apresiasi Seni Lukisan dan Seni Reka telah menyatakan bahawa masyarakat zaman dulu telah melukiskan tentang kehidupan seharian mereka dengan mempunyai sedikit luahan perasaan termasuk dalam cara kehidupan dan kepercayaan. Hal ini dikatakan kerana, masyarakat ketika di zaman Paleolitik ini hidup dalam keadaan berkumpulan dan sering berpindah-randah sehingga menyebabkan mereka melakukan "*rock painting*" untuk berkongsi atau berkomunikasi zaman seterusnya. Sebagai contoh, masyarakat ketika itu hidup dengan menggunakan batu untuk dijadikan sebagai alatan memotong dan memburu haiwan. Jadi kebanyakan lukisan prasejarah yang ditemui adalah berkaitan dengan haiwan yang menjadi buruan mereka ketika itu termasuklah figura manusia yang berkumpul seperti melakukan sebuah ritual pada masa itu. (Badrul Amzi, Farizuan Rosli, M.S.M Effendi & Norshah Afizi, 2014).

Antara contoh yang diberikan berdasarkan kajian lepas adalah lukisan purba yang dijumpai di salah sebuah gua sekitar negara Afrika yang dipanggil Gua Apolo 11, Namibia. Lukisan purba yang dijumpai itu adalah sebuah lukisan yang dilukiskan di atas kepingan batu yang berupa seakan seekor binatang. Turut dinyatakan juga tentang kerja-kerja arkeologi yang masih dijalankan lagi yang melibatkan penemuan artifak-artifak yang sudah melebihi 100,000 tahun dahulu. Selain di Afrika, terdapat juga sebuah gua yang berada di negara Sepanyol iaitu lukisan purba yang dipanggil sebagai "*The Hall of the Bull*". Namun lukisan ini didapati seperti telah bertindahan dengan beberapa bentuk binatang lain seperti kuda dan rusa jantan. Dalam kajian tersebut telah diperjelaskan bahawa kemungkinan telah berlaku disebabkan oleh masyarakat ketika itu hidup secara berpindah-randah sehingga wujudnya pertindahan lukisan tersebut.





Rajah 2.4: Menunjukkan lukisan “*The Hall of the Bull*”.

Sumber: [https://ms.wikipedia.org/wiki/Lukisan\\_gua](https://ms.wikipedia.org/wiki/Lukisan_gua)

## 2.4 Pandangan Estetika

Estetika ini merupakan salah satu contoh pembahagian persoalan dalam ilmu falsafah yang membincangkan mengenai perkara-perkara berkaitan dengan kecintaan atau sebuah perasaan terhadap sesuatu. Hal ini dikatakan kerana, maksud falsafah itu sendiri membawa tentang cinta dan hikmah. Sebagai contoh, perkara yang mempunyai perkaitan dengan perasaan cinta ini sudah pasti mempunyai tindak balas dengan cara sebuah kesungguhan untuk mendapatkan cinta tersebut yang turut melibatkan sentuhan hati, jiwa dan raga. Namun, hal ini adalah berbeza maksud yang dibawa oleh perkataan hikmah. Menurut kajian atau pengajian falsafah hikmah itu merupakan suatu perkara yang dibawa oleh ilmu pengajian, pengetahuan hidup dan hal berkaitan dengan kepercayaan terhadap sesuatu. Hal ini telah menjelaskan maksud keseluruhan bagi falsafah iaitu

perasaan kecintaan seorang individu untuk memahami ilmu pengetahuan yang menjadi kepercayaan tentang tujuan kehidupan ini.

Estetika adalah sebuah perkataan yang berasal daripada bahasa Yunani Kuno iaitu "Aisthetika" yang membawa maksud sesuatu perkara yang boleh dilihat atau diperhatikan dengan menggunakan pancaindera termasuk dengan sebuah perasaan atau pandangan. Beliau menerangkan bahawa estetika ini adalah sebuah seni yang mempunyai sebuah perasaan yang memberikan keindahan seperti perasaan tenang, cantik atau indah. Seni yang dimaksudkan adalah seni seperti seni rupa, seni bentuk, seni muzik, seni sastera, seni tari dan seni drama atau teater (Riyan Riyan Hidayatullah, 2019). Hal ini dikatakan kerana, seni yang dijelaskan ini merupakan sebuah seni yang mempunyai unsur keindahan yang apabila diciptakan oleh manusia. Sebagai contoh, setiap estetika yang disampaikan seperti seni rupa dan seni muzik adalah tidak sama kerana setiap kefahaman atau pandangan itu berbeza sehingga ianya menyebabkan kewujudan keindahan tersendiri. Jadi, apabila sesebuah seni rupa seperti lukisan atau seni yang lain itu perlulah dinikmati dengan sebuah perasaan yang betul untuk mewujudkan keindahan itu.

Tidak dilupakan juga maksud seni yang dibawa oleh bahasa Sanskrit iaitu seni yang menjelaskan sebuah kepercayaan, penyembahan dan pemujaan. Kebiasaannya, aktiviti yang melibatkan kepercayaan dan penyembahan ini adalah salah satu bentuk atau unsur keagamaan. Dari sudut pandangan keagamaan, seni itu adalah sebuah pemikiran yang memerlukan sifat kefahaman atau perasaan terhadap sesuatu karya ilmiah atau perasaan dalam menghargai setiap pemikiran yang dikeluarkan. Di sini, dapat disimpulkan bahawa konsep keagamaan ini mahukan seorang individu itu perlu menghargai sebuah seni yang diciptakan oleh manusia agar kesenian itu mampu menunjukkan tentang

keindahan yang dijelaskan. Sebagai contoh, keindahan seni yang mudah untuk difahami pemikirannya adalah karya seni muzik iaitu lagu yang dinyanyikan oleh Allahyarham Sudirman yang bertajuk "*Warisan*":

***Aku bukanlah seorang perwira,***

***Gagah menghusut senjata,***

***Namun hati rela berjuang,***

***Walau dengan cara sendiri,***

***Demi cinta ini.***

Lirik ini menjelaskan bahawa walaupun sebagai manusia dan rakyat yang tidak mempunyai apa-apa daya dalam mempertahankan negara namun terdapat pelbagai cara yang mampu dilakukan untuk membuktikan kecintaan terhadap negara seperti menghargai jasa orang dahulu yang bersusah payah untuk memerdekakan negara daripada penjajah seperti kini.


Selain itu, bagi menjelaskan konsep kesenian dengan lebih mendalam lagi, seni itu boleh terbahagi kepada beberapa bahagian seperti terdapatnya seni rupa, seni muzik, seni sastera, seni drama atau teater serta seni tari dan kesemua seni yang diberikan itu adalah sebuah seni yang boleh dilihat dan didengarkan dengan pancaindera manusia. Misalnya, seni rupa adalah sebuah seni yang melibatkan karya yang dicipta oleh manusia seperti gambar, lukisan, patung, dan penghasilan tangan. Seni turut dimaksudkan dengan penyampaian **kecantikan dan ketenangan** daripada penghasilan sebuah kreativiti seseorang artis. Di dalam sebuah kajian yang dituliskan oleh beberapa orang penulis pada tahun telah menyatakan bahawa seni itu merupakan sebuah perasaan atau imaginasi seorang artis yang telah disampaikan dengan bentuk seni visual di mana artis tersebut

telah berkongsi perasaan mereka kepada orang lain untuk dilihat dan turut merasai imaginasi yang ingin disampaikan (Badrul Amzi, Farizuan Rosli, M.S.M Effendi & Norshah Afizi, 2014). Namun, kebanyakan seni rupa yang ingin disampaikan oleh setiap artis itu adalah tidak sama dan berbeza-beza seperti idea dan inspirasi. Hal ini dikatakan kerana, perasaan dan imaginasi yang dirasai itu adalah berbeza kerana sifat seorang manusia turut berbeza. Sebagai contoh, karya lukisan dinding yang ada di sekitar bandar Georgetown itu tampak sama namun cara penyampaian itu berbeza walaupun pelukis itu sama.

Di dalam kajian itu juga telah mengetengahkan beberapa elemen yang wujud dalam karya seni rupa. Elemen-elemen ini digunakan bagi mendapatkan sebuah bentuk akhir dan disampaikan atau ditayangkan kepada orang yang melihatnya. Antaranya elemen yang digunakan adalah:

#### **2.4.1 Garisan**

Dalam sebuah karya seni, garisan adalah sebuah elemen yang paling asas dan mudah untuk dilukiskan. Garisan yang dimaksudkan ini adalah sebuah garisan yang pasalnya daripada beberapa titik yang banyak dan boleh mewujudkan sebuah garisan yang nyata. Selain itu, terdapat beberapa jenis garisan iaitu garisan halus, tebal, beralun, berputus-putus dan menegak. Fungsi garisan yang diperjelaskan ini adalah ianya membantu untuk menghasilkan sebuah bentuk dan juga pencahayaan serta jalinan yang membentuk sebuah ruangan dalam hasil seni bagi seorang artis. (Rujuk rajah 2.5)




Rajah 2.5: Menunjukkan elemen garisan

Sumber: <http://senivisual1.blogspot.com/2011/07/garisan.html>

#### 2.4.2 Rupa

Rupa merupakan salah satu elemen seni yang turut menjadi asas kepada setiap masyarakat. Hal ini dikatakan kerana, rupa yang dimaksudkan adalah sambungan daripada titik permulaan kepada titik pengakhiran dan akan menghasilkan sebuah bentuk akhir daripada pertemuan antara dua titik. Menurut Amalina Binti Ezakaria dalam kajiannya pada tahun 2010 telah menyatakan elemen rupa ini terbahagi kepada dua iaitu rupa geometrid dan rupa organik. Rupa geometris ini adalah seperti segi tiga, kubus, bulatan dan pelbagai lagi. Manakala rupa organik ini adalah sebuah bentuk yang tidak mempunyai sudut seperti rupanya yang dibentuk itu tidak mempunyai garisan seperti bulat, menegak mahupun mendatar. Jika diperhatikan pada Rajah 2.6 ini menunjukkan elemen rupa ini adalah lebih kepada bentuk 2 Dimensi dimana rupa atau bentuk yang dihasilkan itu kelihatan seperti mendatar dan tidak timbul.




Rajah 2.6: Menunjukkan elemen rupa geometris dan organik.

Sumber: <http://eytaturquoise.weebly.com/unsur-seni.html>

### 2.4.3 Bentuk

Elemen bentuk ini adalah sebuah elemen yang memerlukan kepada pengukuran seperti panjang, lebar dan tinggi ( $P \times L \times T$ ) untuk membentuk sebuah seni. Elemen ini turut berkait dengan seni yang berupa 3 Dimensi dimana bentuk yang dihasilkan itu boleh dilihat tentang ukurannya dan kelihatan seperti timbul yang mempunyai pandangan hadapan, sisi dan atas. Rajah 2.7 menunjukkan contoh bagi elemen bentuk ini adalah bola, piramid, kubus dan silinder.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN




Rajah 2.7: Menunjukkan elemen bentuk

Sumber: <http://eytaturquoise.weebly.com/unsur-seni.html>

#### 2.4.4 Warna

Elemen warna merupakan suatu elemen yang sangat penting bagi melengkapkan rekaan yang telah dihasilkan oleh seorang artis. Hal ini dikatakan kerana, mainan warna ini adalah membantu untuk menimbulkan suasana yang menarik dan tenang. Dalam karya seni terdapat dua jenis warna yang perlu diketahui iaitu warna sejuk dan warna panas. Kedua-kedua jenis warna ini mempunyai tarikan yang tersendiri yang boleh menyebabkan seorang artis memilih untuk menjadi warna dalam hasil karya seninya. Sebagai contoh Rajah 2.8, warna sejuk seperti warna biru, ungu dan hijau ini berfungsi untuk membawa ketenangan dan sejuk dalam sesuatu ruangan. Manakala warna panas seperti merah, kuning dan jingga ini telah membawa kepada suasana yang ceria dan meriah. Malahan dengan penggunaan warna yang panas ini mampu membentuk sebuah ruangan itu menjadi besar (<https://redappleteacher.wordpress.com/2012/05/16/warna-panas-warna-sejuk-6/>).



Rajah 2.8: Menunjukkan elemen warna dalam karya seni.


Sumber: [https://redappleteacher.wordpress.com/2012/05/16/warna-panas-warna-sejuk-](https://redappleteacher.wordpress.com/2012/05/16/warna-panas-warna-sejuk-6/)

[6/](#)

#### 2.4.5 Ruang

Elemen ruang merupakan suatu elemen yang mewujudkan dua ruangan yang berbeza dalam sebuah karya seni iaitu ruang positif dan ruang negatif. Hal ini dikatakan kerana, ruang yang dilukiskan adalah berfungsi untuk menunjukkan keutamaan bagi sebuah seni. Sebagai contoh, seorang artis telah menggunakan warna yang lebih terang bagi memperlihatkan keutamaan dalam seninya manakala latar belakang seni itu digunakan warna yang sedikit kabur bagi menjelaskan lagi objek utamanya. Elemen yang lain seperti warna, garisan, rupa dan bentuk ini akan lebih membantu untuk mewujudkan ruangan yang lebih jelas dalam karya seni.





Rajah 2.9: Menunjukkan elemen ruang negatif dan positif.

Sumber: <https://bagiinfo.com/teknik-menggambar-bentuk/teknik-menggambar-siluet-positif-dan-negatif/>

Seterusnya adalah fungsi seni terhadap dunia luar, antaranya ialah seni ini berfungsi sebagai sebuah pendidikan. Hal ini dikatakan kerana, seni yang wujud di negara ini mampu untuk dipelajari oleh masyarakat terutamanya oleh para pelajar. Dalam usia mereka yang sedang meningkatkan ini pengetahuan adalah sangat penting dalam pembesaran mereka lebih-lebih lagi pengetahuan yang akan membawa mereka kepada kejayaan. Sebagai contoh, seni muzik yang memerlukan kerjasama dalam mengeluarkan bunyian merdu dan sedap untuk didengar seperti kumpulan alatan muzik gamelan memerlukan kerjasama antara pemainnya. Jika kurangnya seorang atau salah satu alatan muzik boleh memberikan kecacatan dalam bunyian. Selain itu, gambaran, lukisan mahupun ilustrasi juga merupakan seni yang berfungsi dalam memberikan pendidikan. Hal ini kerana, cara penggunaan alatan dalam menggambarkan sesuatu juga diperlukan sebelum menjadi penghasilan bentuk yang terakhir.

Disamping itu, seni turut berfungsi dalam berkomunikasi. Hal ini dikatakan kerana, seni yang ditulis, dilukis atau dilakonkan itu telah menunjukkan medium interaksi dalam menyampaikan sesuatu nilai dan pengajaran. Nilai dan pengajaran yang diperolehi oleh orang yang melihat dan mendengar itu boleh menitikberatkan dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, lukisan gua yang dilukiskan oleh masyarakat zaman prasejarah telah memberitahu tentang bagaimana mereka meneruskan kehidupan seharian mereka. Malahan setiap yang dilukiskan atau peralatan yang digunakan ketika itu telah digunakan sehingga ke hari ini dan tidak pupus walaupun sudah beribu tahun dahulu.

## **2.5 Rumusan Bab**

Secara keseluruhannya, lukisan dinding ini telah wujud dari ribuan tahun dahulu sehingga telah diperkenalkan kepada dunia sekarang. Kini, karya lukisan dinding ini semakin terkenal dan masih lagi dijalankan kerja-kerja ekskavasi dalam memelihara lukisan tersebut untuk diperlihatkan kepada masyarakat kini. Namun, dalam karya seni terutamanya lukisan dinding yang semakin berkembang ini telah menyatakan bahawa penghasilan bagi setiap lukisan itu adalah berbeza dan tidak sama. Hal ini kerana, setiap artis yang menghasilkan itu mempunyai cara yang tersendiri dari segi nilai dan pengajaran. Elemen-elemen yang dijelaskan diatas telah memberikan pengetahuan bahawa setiap sesuatu yang dijadikan sebagai seni rupa itu mempunyai mainan elemen yang tersendiri dan pada pengakhiran penghasilan telah mewujudkan keindahan.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan


Metodologi merupakan sebuah bahagian di mana ianya akan membincangkan tentang kaedah atau *method* yang digunakan dalam menyiapkan projek penyelidikan ini. Dalam menyiapkan penyelidikan mengenai Keunikan Karya Lukisan Dinding di sekitar Georgetown Pulau Pinang, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah dalam mencari maklumat dan pengetahuan mengenai keunikan dan cara pemeliharaan karya lukisan dinding. Metodologi kajian adalah merupakan suatu kaedah yang digunakan oleh seorang pengkaji bagi melakukan pengumpulan data dalam setiap kajiannya. Selain itu, metodologi ini juga adalah sebagai alat bantuan kepada pengkaji dalam mencapai persoalan yang wujud apabila permasalahan yang dilihat sebelum tajuk penyelidikan ini dikemukakan. Secara umumnya, dalam setiap kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu terdapatnya dua jenis kaedah iaitu kaedah kualitatif iaitu kaedah yang berbentuk temu bual, pemerhatian atau analisis dokumen. Seterusnya ialah kaedah kuantitatif iaitu kaedah yang memerlukan pandangan pihak kedua atau masyarakat sekeliling dengan mengeluarkan borang soal selidik untuk mendapatkan data yang boleh membantu dalam menyiapkan kajian.

Dalam menjalankan kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif serta kaedah kuantitatif. Kaedah kualitatif ini pengkaji akan mencatatkan semua rekod lapangan yang dilakukan sebagai satu bukti bahawa kerja penyelidikan telah dijalankan dengan sendirinya. Bagi kaedah kuantitatif pula pengkaji telah memberikan borang soal selidik secara rawak kepada masyarakat bagi mendapatkan data untuk meneruskan kajian ini.

Selain itu pengkaji turut menjelaskan proses penyediaan kerja penyelidikan ini dalam bentuk carta alir. Carta alir ini merupakan sebuah carta yang menunjukkan proses-proses yang perlu diikuti agar kerja-kerja penyelidikan ini berjalan secara teratur dan lancar.

### 3.2 Carta Aliran Proses Kajian

Carta aliran proses kajian ini merupakan langkah-langkah yang digunakan oleh pengkaji bagi menjalankan kajian dengan sempurna seperti cara untuk mendapatkan hasil dapatan kajian serta analisis data. Rajah 3.1 dibawah telah menjelaskan dengan lebih lanjut kaedah yang digunakan dalam pengumpulan data bagi kajian bertajuk Keunikan Karya Lukisan Dinding di Sekitar Georgetown Pulau Pinang.



Rajah 3.1: Menunjukkan carta aliran proses kerja penyelidikan.

Sumber: A.Masturah, 2020

Dalam menyiapkan projek penyelidikan ini telah digunakan dua jenis metodologi iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Kaedah kualitatif ini telah dijelaskan oleh D. Kamarul Azmi (2018) adalah kaedah yang memerlukan beberapa cara untuk mendapatkan maklumat dan data mengikut gaya yang tersendiri. Selain itu, kaedah ini juga adalah sangat berbeza dengan kaedah kuantitatif yang lebih menggunakan pengiraan nombor, responden dan sebagainya. Selain itu, kaedah kualitatif juga merupakan kaedah yang hanya memfokuskan kepada sesuatu skop, lokasi kajian serta responden yang telah ditetapkan. Kebanyakan proses yang kebiasaannya digunakan adalah melakukan pemerhatian mendalam di lapangan kajian untuk mendapatkan maklumat dengan cara teliti. Kaedah ini juga dikatakan kaedah yang bersifat fenomenologis iaitu kaedah yang berfokuskan pada proses dan peristiwa secara interatif dan mementingkan realiti yang bersifat dinamik daripada hasil pengkajian.

Manakala, kaedah kuantitatif merupakan satu cara yang digunakan dalam suatu kajian dimana ianya melibatkan bilangan responden yang lebih ramai berbanding kaedah kualitatif. Kajian yang dijalankan dengan penggunaan kaedah kuantitatif ini adalah dilakukan secara kaedah eksperimental dan data numerika seperti melibatkan pengukuran pemboleh ubah kajian dengan menggunakan alatan saintifik dan eksperimen (Ang Kaen Hua, 2016).

Berdasarkan penyelidikan ini kaedah kualitatif adalah sangat sesuai dalam menyiapkan penyelidikan mengenai keunikan karya lukisan dinding. Hal ini dikatakan kerana, kebanyakan sumber yang diperolehi ini adalah dicari dan digunakan data serta pengetahuan untuk dijadikan sebagai olahan idea yang sedikit berlainan daripada kajian yang terdahulu. Sumber-sumber tersebut adalah sumber primer di mana ianya merupakan sumber yang memerlukan penglibatan turun ke lapangan kajian dengan melakukan

pemerhatian bagi mencapai tujuan utama dalam kajian ini. Selain itu, dalam kajian ini pengkaji telah menyediakan borang soal selidik yang diberikan secara rawak kepada 100 orang responden untuk melihat pandangan masyarakat tentang tujuan yang dinyatakan. Seterusnya, sumber yang digunakan adalah sumber sekunder yang membawa contoh kepada sumber laman sesawang dan kajian kepustakaan seperti rujukan daripada jurnal, artikel, kajian lepas, keretan akhbar dan buku-buku yang sedia ada.

### **3.3 Sumber Primer**

Menurut Lim Mei Yuan (2018), sumber primer merupakan suatu sumber baharu yang diperolehi secara lisan atau penglihatan. Hal ini dikatakan kerana, sumber ini adalah dapatan yang pertama yang masih belum diolah seperti boleh diterbitkan ataupun tidak boleh menjadi ayat atau perkataan yang sempurna. Selain itu, menurut beliau lagi sumber primer ini adalah suatu sumber yang diperolehi daripada bahan yang masih dalam keadaan awal seperti dalam helaian kertas, fosil, manuskrip dan banyak lagi. Sebagai contoh, sumber ini adalah daripada bentuk catatan pada hari yang sama oleh seseorang individu bagi mendapatkan data-data yang tertentu.

Namun, di dalam projek penyelidikan ini pengkaji telah menggunakan sumber primer sebagai kaedah memperolehi data. Sebagai contoh, pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian bagi mendapatkan pencapaian bagi objektif utama iaitu keunikan karya lukisan dinding dan kepentingan dibawa oleh karya tersebut itu sendiri.

#### **3.3.1 Pemerhatian**

Kaedah pemerhatian ini adalah satu kaedah di mana hanyalah dikenali dalam dua bentuk pertama adalah pemerhatian secara terus. Pemerhatian ini adalah sebuah pemerhatian yang dilakukan untuk mendapatkan data-data kajian secara terus daripada

kajian lapangan. Pemerhatian ini juga tidak memerlukan hubungan dari segi berkomunikasi yang banyak. Sebagai contoh, dalam projek penyelidikan ini pengkaji telah turun ke kawasan kajian lapang sendiri bagi mendapatkan atau melihat sendiri tentang keunikan karya lukisan dinding yang menjadi tumpuan masyarakat tempatan dan asing. Hal ini kerana, pemerhatian yang dilakukan dengan secara terus telah membantu pengkaji untuk mendapatkan data-data yang boleh difahami oleh pengkaji sendiri. Sekiranya pemerhatian secara terus ini tidak dilakukan boleh menyebabkan kefahaman yang difahami itu tidak selaras dengan apa yang dilakukan dari segi pemerhatian secara penglibatan.



Rajah 3.2: Survei yang dilakukan di sekitar Lebuhraya Cannon.

Sumber: (A.Masturah, 2021)

MALAYSIA  
KELANTAN

### **3.3.2 Soal Selidik**

Soal selidik merupakan soalan yang diberikan kepada responden yang telah ditetapkan bagi mengumpulkan data kajian. Di dalam kajian ini soal selidik ini akan dijalankan bagi mencapai objektif kajian kedua iaitu mengkaji pandangan masyarakat terhadap kepentingan karya lukisan dinding di Malaysia. Terdapat 2 bahagian dalam soal selidik ini iaitu Bahagian A adalah demografi responden dan Bahagian B pula adalah soalan mengenai pandangan masyarakat terhadap kepentingan karya lukisan dinding di Malaysia. Soal selidik ini diedarkan secara rawak kepada 100 orang responden bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan dalam kajian ini.

### **3.4 Sumber Sekunder**

Kaedah data sekunder bermaksud suatu kerja pengumpulan data-data dalam maklumat oleh pengkaji. Dalam hal ini, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah dalam mendapatkan maklumat melalui penulisan, ringkasan yang diambil atau idea-idea utama yang telah dikemukakan dari sebuah karya, kajian terdahulu atau laman sesawang mengenai perkaitan dengan kajian yang ingin dilakukan. Namun, bukanlah idea yang pernah diketahui atau pernah dinyatakan dalam sesuatu kajian itu yang perlu diambil semula tetapi ianya perlu diolahkan kepada sebuah medium atau ayat yang mudah untuk difahami oleh pembaca yang membacanya. Perbezaan di antara sumber primer dan sekunder adalah di mana sumber primer ini lebih sistematik dan perlu dilakukan dengan mengikuti proses yang telah dilakukan. Hal ini ada berbeza dengan kaedah sekunder yang perlu menyemak dan menulis idea atau kata kunci yang penting untuk dijadikan sebagai pengetahuan tambahan dalam sesuatu kajian. Sebagai contoh, data-data sumber sekunder ini mampu diperoleh oleh semua pengkaji dari buku ilmiah, jurnal, artikel, kajian terdahulu, laman sesawang, keratan akhbar dan banyak lagi. Di dalam projek penyelidikan



ini, pengkaji telah menggunakan kaedah sumber sekunder (keputusan) seperti sumber internet, kajian terdahulu, artikel, buku ilmiah dan jurnal.

### 3.4.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah keputakaan merupakan satu kaedah yang memerlukan segala usaha untuk melakukan penelitian dan diteruskan dengan menghimpunkan data-data yang diperolehi bagi menggabungkan menjadi pengetahuan yang baharu. Pengetahuan dan idea baharu yang diperkembangkan ini adalah diperolehi daripada bantuan rujukan seperti buku-buku ilmiah, karangan, kajian terdahulu, artikel dan seangkatan dengannya. Jika disebut kaedah keputakaan ini telah difikirkan bahawa bahan rujukan itu sudah semestinya sumber-sumber itu adalah daripada bahan bertulis yang telah dicetak atau pun elektronik. Selain itu, kaedah keputakaan ini adalah merupakan kaedah yang tidak boleh dipisahkan antara pengkaji dan kajian. Hal ini dikatakan kerana, bahan-bahan ilmiah yang sudah dicetak adalah lebih banyak di pasaran di mana ianya mudah didapati berbanding dengan bahan elektronik. Namun, bahan rujukan elektronik juga sangat diperlukan memandangkan bahan ini selaras dengan perkembangan teknologi masa kini.

Kelebihan dalam menggunakan kaedah keputakaan telah dapat membantu pengkaji dalam meningkatkan daya ketahanan dalam membaca dan meneliti bahan bacaan untuk memperoleh data-data yang penting lebih-lebih lagi dalam keunikan dan cara pemeliharaan karya lukisan dinding. Kelebihan seterusnya adalah kaedah keputakaan ini dijadikan sebagai satu panduan yang mampu menggerakkan kerja penyelidikan yang sedang dijalankan sehingga akhir.

### **3.5 Instrumen Kajian**

Instrumen kajian merupakan alatan yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data ketika menjalankan penyelidikan ini. Antara alatan yang digunakan adalah buku catatan, kamera dan borang soal selidik bagi menyimpan rekod dan data yang diperolehi sebelum, semasa dan selepas menjalankan penyelidikan ini.

#### **3.5.1 Buku Catatan**

Buku catatan ini merupakan salah satu instrumen yang penting kerana pengkaji menggunakannya untuk mencatat segala maklumat dan data yang diperolehi sama ada sebelum, semasa dan selepas melakukan kajian lapangan untuk melakukan pemerhatian.

#### **3.5.2 Kamera**

Instrumen ini digunakan bagi mengambil gambar ketika menjalankan tugas di kajian lapangan.

#### **3.5.3 Borang Soal Selidik**

Borang soal selidik ini akan digunakan ketika pengkaji melakukan pengumpulan data kuantitatif. Soal selidik ini akan diberikan kepada 100 orang responden secara rawak di atas talian melalui aplikasi *Whatsapp* dan *Instagram*.

### 3.5 Rumusan

Metodologi kajian merupakan sumber atau aspek yang penting dalam menjalankan sesuatu kajian. Hal ini dikatakan kerana, setiap data-data daripada sumber seperti sumber primer dan sekunder ini telah membantu seseorang pengkaji dalam memberikan maklumat tambahan dan pengetahuan yang baharu untuk dijadikan sebuah idea yang baharu dalam sesuatu perkara. Sebagai contoh, dalam konsep pemeliharaan sesuatu warisan tidak kira objek atau tapak ianya memerlukan langkah atau kerja pemeliharaan yang betul dan setiap langkah tersebut itu telah ditetapkan oleh pihak yang berwajib atau pakar dalam bidang tersebut. Dengan bantuan metodologi kajian ini, pengkaji dapat melakukan perancangan atau proses jalan kerja yang teratur dan terancang seperti mengenal pasti keunikan karya lukisan dinding terlebih dahulu sebelum mencari pandangan daripada pihak lain. Selain itu, data-data yang diperolehi melalui metodologi kajian ini turut membantu dalam mendapatkan informasi yang tepat kerana setiap apa yang diperolehi perlu direkodkan bagi membolehkan pembaca lebih memahami tentang jalan kerja yang dilakukan. Dengan kaedah yang digunakan oleh pengkaji ini dapat memberikan kefahaman kepada pembaca dalam mengetahui bahawa setiap lukisan dinding itu mempunyai keunikan yang tersendiri dan ianya telah memberikan kepentingan yang sangat baik kepada masyarakat dan negara.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Dalam bab 4 ini, pengkaji akan membincangkan dan menjelaskan tentang hasil dapatan kajian yang telah dilakukan untuk menyiapkan tugas ini mengikut objektif yang telah ditetapkan. Hasil dapatan yang diperjelaskan ini adalah hasil dapatan daripada sudut kepustakaan dan juga pemerhatian yang telah dilakukan oleh pengkaji. Selain itu, pengkaji akan menjelaskan objektif yang kedua dimana telah menggunakan kaedah kajian kuantitatif bagi mengetahui pandangan masyarakat tentang kepentingan karya lukisan dinding di Malaysia. Hal ini boleh dilihat dalam bab ini pengkaji telah menjelaskan mengenai kepentingan karya lukisan dinding yang mengikut pandangan masyarakat setelah borang soal selidik diedarkan secara rawak.

#### 4.2 Keunikan Karya Lukisan Dinding di Bandar Georgetown

Georgetown merupakan sebuah bandar yang tidak luntur dengan kaya akan sejarah lamanya tetapi kini juga masih ramai berkunjung ke negeri itu untuk melancong bagi melihat atau mengenali warisan yang ditinggalkan mahupun melancong untuk beristirehat bersama keluarga dan sahabat-handai. Namun, bandar ini tidak lenggang dengan pelancong kerana telah membawa sebuah keistimewaan atau mungkin boleh menjadi sebagai warisan bagi bandar tersebut kerana terdapatnya satu tarikan yang menarik ramai pelancong ke negeri itu iaitu terkenalnya dengan karya lukisan dinding atau mungkin dikenali sebagai *Street Art* bagi semua pelancong. Karya lukisan dinding ini sedikit sebanyak telah menyumbangkan pelbagai kemajuan kepada bandar tersebut termasuk sektor pelancongan. Namun, masih menjadi kekeliruan oleh pelancong tentang

keunikan karya lukisan dinding yang semakin menjadi tarikan manusia berbanding dengan bangunan warisan yang sudah ratusan tahunnya. Antara keunikan karya lukisan dinding ini adalah:

#### **4.2.1 Penggunaan Barangan/Objek 3D.**

Barangan atau objek tiga dimensi ini adalah bermaksud bahawa karya lukisan dinding ini telah menggunakan cara atau tarikan di mana pelukis karya ini telah membawa satu cara baharu bagi menjadikan sebuah lukisan dinding itu lebih menarik berbanding lukisan biasa seperti lukisan yang hanya berada pada dinding dua dimensi yang hanya boleh dilihat dan disentuh. Namun, hal ini adalah berbeza dengan karya lukisan dinding yang berada di bandar Georgetown itu sendiri kerana dengan menambahkan sebuah elemen seperti barang atau objek yang nyata boleh menjadikan sebuah lukisan dinding itu hidup atau timbul. Rajah 4.1 di bawah ini boleh menjelaskan lagi tentang fungsinya barang atau objek 3d ini:

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Rajah 4.1: Barang atau objek 3d yang digunakan.

(Sumber: A.Masturah, 2021)

Rajah 4.1 di atas telah menjelaskan bahawa dengan menggunakan objek seperti basikal, motosikal dan beca ini boleh memberikan pelancong yang berkunjung lebih merasai tentang karya yang ingin disampaikan itu. Hal ini dikatakan kerana, apabila seseorang pelancong ingin mengambil gambar sebagai kenangan pelancong itu boleh melakukan pelbagai aksi atau gaya gambaran yang sesuai dengan karya lukisan dinding yang dihasilkan. Karya lukisan dinding itu bukan dihasilkan dengan bersahaja tetapi pelukis ini memberikan peluang kepada pelancong untuk merasai situasi yang hanya digambarkan di atas dinding sahaja. Hal ini sedikit sebanyak telah menjelaskan tentang keunikan atau tarikan utama bagi karya lukisan dinding yang berada di negeri Pulau Pinang itu.

#### 4.2.2 Aktiviti Masyarakat Setempat

Keunikan karya lukisan dinding di bandar ini seterusnya adalah karya lukisan ini adalah sebuah penceritaan yang diambil daripada aktiviti seharian masyarakat yang menjadi punca utama bagi pelukis untuk menghasilkan karya di dinding bangunan lama. Hal ini dikatakan kerana, pelukis sudah siap memerhati aktiviti masyarakat disekitar kawasan tersebut untuk dijadikan sebagai subjek *Matter* dalam karya penghasilannya. Setelah diperhatikan kawasan yang menjadi tempat pengumpulan karya lukisan dinding ini adalah sekitar lebuah Aceh, lebuah Armenian dan lebuah Cannon dimana kawasan tersebut merupakan sebuah kawasan yang berhubungan lebuhnya antara satu sama lain. Menurut Seyedehelham Sadatiseyedmahalleh, *et.dl* (2014) telah menyatakan bahawa tujuan utama karya lukisan dinding dihasilkan adalah untuk menarik minat masyarakat tanpa merosakkan tapak warisan dengan cara mempromosikan karya lukisan dinding dengan menghasilkan karya seperti sejarah tapak atau jalan yang menjadi tarikan pelancong kini. Sebagai contoh, telah dianjurkan sebuah festival kesenian yang membawa tema “*voice from the people*” yang bertujuan untuk menarik minat orang ramai untuk tidak merosakkan tapak warisan yang telah menyimpan pelbagai sejarah penting dimana ianya perlulah dipelihara agar tidak ditelan zaman. Namun terdapat juga segelintir masyarakat yang tidak memahami akan maksud karya yang disampaikan tetapi mereka cuba untuk menghargai nilai estetika berbanding cerita di sebaliknya. Maka, aktiviti yang dipaparkan pada permukaan dinding ini adalah bertujuan untuk masyarakat berkunjung ke situ mengenali nama-nama lebuah yang ada di bandar tersebut selain mengenali bandar tersebut sebagai tapak warisan sekaligus dapat meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kewujudan warisan negara.

Malahan juga, kawasan tersebut merupakan sebuah kawasan yang majoritinya menjadi kawasan penempatan bagi kaum Cina. Masyarakat Cina tidak lekang dengan kebijaksanaan mereka dalam perniagaan maka dengan hasil karya ini berkemungkinan merupakan aktiviti seharian kaum Cina di kawasan tersebut. Namun, karya lukisan dinding ini tidak berkonsepkan aktiviti orang dewasa tetapi lebih menuju kepada aktiviti harian kanak-kanak di situ. Rajah 4.2 merupakan beberapa lukisan dinding yang membuktikan bahawa penghasilan karya lukisan ini tertumpu kepada aktiviti kanak-kanak. Menurut Wan Nurhasyimah Binti W. Apandi (2018), telah menyatakan kebiasaannya lukisan yang dihasilkan ini membawa maksud dimana ianya mempunyai tema seperti membawa identiti atau budaya sesuatu tempat. Kebiasaannya setiap tempat mempunyai budaya yang tersendiri dan saling mempunyai perbezaan maka untuk memperkenalkan budaya suatu kawasan sang pelukis memilih permukaan yang bersifat kekal untuk dijadikan alternatif bagi menghasilkan karya lukisan dindingnya.



Rajah 4.2: Gambaran yang menunjukkan aktiviti seharian masyarakat setempat.

(Sumber: A.Masturah, 2021)



Rajah 4.2 telah menunjukkan reaksi kanak-kanak di dalam karya tersebut telah memberikan satu aura atau perasaan yang lucu dan seronok apabila melihat karya tersebut. Hal ini mampu memberikan peluang kepada pelancong untuk merasai situasi seperti dalam karya lukisan dinding ini sebagai karakter tambahan. Aktiviti seharian yang dimaksudkan ini adalah seperti menunggang basikal, bermain buaian dan aktiviti seperti membeli dari tingkap rumah. Aktiviti yang dijalankan ini adalah merupakan aktiviti yang sering dilakukan oleh kanak-kanak pada zaman itu.

#### **4.2.3 Berada Di Celahan Bangunan**

Apabila mengunjungi bandar bersejarah ini perkara pertama yang boleh dilihat di sini merupakan terdapatnya banyak bangunan kedai lama yang masih tersergam indah walaupun sudah mencecah puluhan tahun. Hal ini dikatakan kerana, bangunan kedai lama ini telah menjadi premis perniagaan kepada masyarakat setempat bagi menyambung kelangsungan hidup dan ada diantara perniagaan di sini merupakan perniagaan yang diwarisi secara turun-temurun oleh ahli keluarga. Menurut kajian "*Critical Review on The Role of Street Art of Georgetown, Pulau Pinang*" telah menyatakan bahawa karya lukisan dinding ini boleh dilihat di jalan dan lorong yang sempit malahan turut terlihat pada dinding yang tinggi. Sebagai contoh, karya lukisan dinding ini boleh dilihat di celahan bangunan kedai lama seperti di lebuhraya Cannon, lebuhraya Armenian dan lebuhraya Acheh ini merupakan satu kawasan dimana terdapatnya bangunan kedai lama yang masih beroperasi sehingga kini. Bangunan di kawasan itu terlihat masih tersergam indah dengan kepelbagaian bentuk jalan yang menjadi tarikan pelancong yang datang. Bukan itu sahaja, dengan adanya membaik pulihkan kawasan itu sedikit sebanyak telah menjadi sasaran utama pelancong untuk mengambil gambar dan berjalan.

Sepertimana yang telah diperjelaskan di atas bahawa hasil karya lukisan dinding ini tidak berada sebuah kawasan sahaja tetapi telah melibatkan beberapa lebuah yang berhubung antara satu sama lain dan perlu dicari dengan teliti kerana ianya berada di celahan bangunan yang agar sukar untuk terlihat. Hal ini telah mengubah pandangan pelancong yang hadir ke negeri ini yang pada awalnya untuk melihat warisan sejarah kepada berjalan sambil mencari seni jalanan yang menjadi tumpuan pelancong (Seyedehelham Sadatiseyedmahalleh *et al*, 2015). Untuk mencari karya lukisan dinding di sekitar kawasan tersebut pelancong yang datang biasanya akan menggunakan peta yang telah disediakan pada setiap premis perniagaan di situ. Terdapat dua cara untuk mencari karya lukisan dinding di bandar itu, pertama adalah pelancong boleh berjalan kaki dan kedua mereka boleh menyewa basikal yang telah disediakan di beberapa premis perniagaan disitu atau menyewa basikal yang disediakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Rajah 4.3 di bawah merupakan gambar yang menunjukkan kenderaan yang dinaiki oleh pelancong yang datang untuk melihat karya lukisan dinding.



Rajah 4.3: Menunjukkan kenderaan beca yang boleh disewa di bandar Georgetown

Sumber: (Dayang Nur Raihana, 24 November 2021)

Selain mencari destinasi yang utama, kelebihan hasil karya lukisan dinding ini berada di celahan bangunan sedikit sebanyak telah memberikan kelebihan lain kepada pengunjung yang datang ke tempat itu. Hal ini dikatakan kerana, sepanjang mencari lukisan dinding mereka boleh menikmati pandangan yang cantik dan indah seperti bangunan kedai, jalan raya yang menjadi tarikan dan boleh berehat untuk menjamu selera di kawasan itu. Kawasan itu juga telah menyediakan pelbagai kemudahan yang bagi setiap pelancong seperti kedai makanan, masjid dan berhampiran dengan perkhidmatan utama untuk ke Tanah Besar iaitu feri dan jambatan. Rajah 4.4 merupakan gambar yang boleh dilihat di kawasan tersebut apabila berkunjung ke kawasan tersebut:



Rajah 4.4: Bangunan kedai lama yang terdapat disekitar karya lukisan dinding.

(Sumber: A.Masturah, 2021)

#### 4.2.4 Pudar Tetapi Masih Terkenal

Pudar tetapi masih terkenal disini adalah bermaksud walaupun penghasilan karya lukisan dinding ini sudah berusia hampir sepuluh tahun tetapi ianya masih menjadi tarikan kepada pelancong. Hal ini kerana, pelancong masih lagi mencari dan menikmati keindahan yang ada seperti lukisan dinding itu sendiri, bangunan kedai lama dan sejarah tempat tersebut. Walaupun usia karya lukisan dinding sudah semakin berusia dan warnanya semakin pudar dan objek 3d yang digunakan adanya sudah hilang dan rosak sememangnya boleh menyebabkan kepopularan itu boleh hilang kerana tiada pihak yang bertanggungjawab menjadi untuk menjadi tatapan pengunjung. Rajah 4.5 dibawah ini boleh dikatakan kebanyakan hasil karya lukisan ini warna semakin pudar dan sukar terlihat oleh pelancong yang datang kadangkala pelancong hampir tidak perasan akan kewujudan

lukisan dinding tersebut melainkan menggunakan peta yang disediakan. Hal ini dikatakan kerana wujudnya masyarakat yang menikmati keindahan estetika karya meskipun tidak memahami akan maksud dan penceritaan yang disampaikan oleh pelukis. Bukan itu sahaja kanak-kanak yang masih kecil juga turut menikmati karya lukisan dinding ini meskipun mereka masih tidak memahami tentang warisan (Seyedehelham Sadatiseyedmahalleh *et al*, 2015).



Rajah 4.5: Warna karya lukisan dinding kelihatan pudar.

(Sumber: A. Masturah, 2021)

Pudar yang terlihat itu tidak pernah luntur di hati pelancong yang singgah ke bandar itu kerana ianya masih terlihat unik dan cantik dimata mereka. Untuk memajukan lagi kawasan tersebut pihak bertanggungjawab perlu untuk mencari inisiatif dalam memelihara karya lukisan dinding itu agar tidak semakin pudar dan hilang. Ini disebabkan oleh karya dan tempatnya yang sangat menarik telah menyebabkan karya lukisan dinding

dan tempat tersebut semakin maju dan ianya menjadi salah satu penyumbang ekonomi di negeri tersebut. (Chang Shu Fun, 2017)

### **4.3 Analisis Dapatan Soal Selidik**

Bagi mencapai hasil dapatan objektif yang kedua iaitu mengkaji pandangan masyarakat terhadap kepentingan karya lukisan dinding di Malaysia, borang soal selidik telah digunakan sebagai kaedah bagi memperolehi data. Borang soal selidik ini terdiri daripada 2 bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A merupakan bahagian yang melibatkan demografi responden seperti jantina, umur dan taraf pendidikan. Manakala pada Bahagian B pula merupakan soalan yang diberikan kepada responden yang memerlukan respon untuk membuat pilihan jawapa antara “ya” atau “tidak”. Dalam objektif ini seramai 100 orang responden yang dipilih secara rawak dan diberikan secara atas talian kerana faktor penularan Covid-19 yang menular di Malaysia.

#### **4.3.1 Demografi Responden**

Demografi responden merupakan bahagian pada soal selidik bahagian A dimana ianya terdiri daripada 3 soalan yang berkaitan dengan jantina, umur dan taraf pendidikan. Soal selidik ini telah diberikan secara rawak kepada 100 orang responden. Kajian soal selidik ini terdiri daripada 30 orang lelaki (30%) dan 70 orang perempuan (70%). Perkara yang telah disebut ini merupakan keseluruhan responden yang menjawab bagi soal selidik bagi demografi jantina.

Analisis demografi yang seterusnya adalah demografi yang melibatkan umur responden. Dalam borang soal selidik ini pengkaji telah menetapkan umur responden di mana responden perlulah berumur daripada 18 tahun hingga 44 ke atas. Maka, dalam kajian soal selidik ini responden yang umur 18 tahun hingga 25 tahun adalah seramai 30 orang (30%) manakala responden yang berumur 26 tahun hingga 34 tahun adalah

seramai 14 orang (14%). Selain itu, 18% merupakan responden yang berumur 35 tahun hingga 43 tahun dan akhir sekali 38% adalah bagi mereka yang berumur 44 tahun dan ke atas. Di sini dapat dilihat bahawa majoriti yang paling banyak menjawab borang soal selidik ini adalah mereka yang berumur 44 tahun dan ke atas.

Taraf pendidikan ini merupakan analisis kajian soal selidik yang terakhir bagi bahagian A. Bahagian ini telah menyatakan jenis-jenis taraf pendidikan yang diperolehi oleh setiap responden yang menjawab soal selidik yang diberikan secara rawak iaitu bermulanya dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana Muda dan lain-lain. Bagi pilihan "lain-lain" merupakan pilihan bagi responden yang mempunyai taraf pendidikan selain daripada yang disebut dalam soal selidik. Bagi taraf pendidikan SPM sebanyak 33 orang responden (33%) manakala bagi responden yang berstatuskan pendidikan Diploma adalah 14 orang responden (14%). Seterusnya, bagi responden yang mempunyai taraf pendidikan Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana Muda adalah sebanyak 39 orang (39%) dan 5 orang (5%). Bagi responden bagi kategori lain-lain pula adalah sebanyak 9 orang (9%). Ini merupakan analisis bagi demografi berstatuskan taraf pendidikan.


Jadual 4.1: Jadual menunjukkan analisis soal selidik demografi

Kategori	Bilangan (orang)	Peratusan (%)
<b>Jantina</b>		
Lelaki	30	30%
Perempuan	70	70%
<b>Umur</b>		
17 tahun – 25 tahun	30	30%
26 tahun – 34 tahun	14	14%
35 tahun – 43 tahun	18	18%
44 tahun ke atas	38	38%
<b>Taraf Pendidikan</b>		
Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	33	33%
Diploma	14	14%
Ijazah Sarjana Muda	39	39%
Sarjana Muda	5	5%
Lain-lain	9	9%



#### 4.3.2 Kepentingan Karya Lukisan Dinding di Malaysia


Kepentingan karya lukisan dinding di Malaysia merupakan soalan yang terdapat dalam soal selidik bagi bahagian B. Bahagian ini mempunyai enam soalan yang memerlukan responden untuk memilih jawapan seperti “ya” atau “tidak”. Soalan yang dikemukakan dalam soal selidik memerlukan responden untuk menjawab berdasarkan pengetahuan dan pandangan sendiri. Berikut merupakan analisis data bagi bahagian.



Rajah 4.6: Menunjukkan pengetahuan masyarakat tentang maksud karya lukisan dinding

Soalan pertama yang dikemukakan adalah mengenai pengetahuan tentang maksud karya lukisan dinding. Setelah mengedarkan soal selidik secara rawak didapati bahawa sebanyak 89 orang responden (89%) yang mengetahui tentang maksud karya lukisan dinding dan selebihnya 11 orang responden (11%) tidak memahami akan maksud karya lukisan karya lukisan. Di sini dapat dilihat bahawa kebanyakan masyarakat mempunyai pengetahuan tentang karya lukisan tersebut yang diperkatakan. Hal ini dikatakan kerana, masyarakat mengenali karya lukisan dinding sebagai “*mural art*” di mana lukisan yang diterapkan pada ruang dinding-dinding bangunan. Di dalam kajian lepas yang bertajuk “*Seni Lukisan Jalanan Mural dan Graffiti: Estetika dan Pandangan*

*Masyarakat*” telah menyatakan bahawa karya yang dihasilkan di atas permukaan dinding adalah bertujuan untuk melakukan penambahan yang baharu terhadap dinding kosong yang membosankan pada pandangan yang baharu dengan melakukan sedikit penambahan seni mural atau 3D. Kepentingan pengetahuan terhadap maksud karya lukisan dinding ini adalah perlu diterapkan kerana karya lukisan dinding ini merupakan salah satu tarikan utama di negara terhadap pelancong yang berkunjung. Hal ini dikatakan kerana, karya lukisan dinding merupakan salah satu tambahan persekitaran yang baru terhadap kehidupan seharian mereka.




Rajah 4.7: Menunjukkan pandangan masyarakat terhadap kepentingan karya lukisan dinding

“Adakah anda bersetuju tentang karya lukisan dinding ini mampu membawa banyak kepentingan dari sudut individu, masyarakat dan negara?” merupakan soalan kedua bagi kajian soal selidik yang diedarkan. Analisis data yang diperolehi adalah seramai 96 orang responden (96%) yang bersetuju bahawa karya lukisan di dinding memberikan banyak kepentingan manakala 4% responden bersamaan 4 orang yang mengatakan bahawa karya lukisan ini tidak memberi kepentingan. Jika mengikuti majoriti

yang mengatakan bahawa karya lukisan dinding ini mempunyai kepentingan kerana, seseorang individu itu juga dapat mengenali bahawa terdapatnya satu lagi warisan yang perlu diketahui oleh diri sendiri adalah Karya Lukisan Dinding atau *Mural Painting*. Karya lukisan dinding ini sudah ribuan tahun wujud yang menunjukkan telah terjadinya perkembangan manusia ketika itu.

Selain itu, karya ini merupakan antara salah satu medium yang sangat hampir dan dekat kepada masyarakat. Hal ini dikatakan kerana, menurut kajian yang telah ditulis oleh Wan Nurhasyimah Bt W. Mohd Apandi (2018) telah menyatakan bahawa karya yang dilukis di atas permukaan dinding adalah bertujuan untuk menyampaikan maklumat yang bertemakan persekitaran seperti sejarah, aktiviti, nilai-nilai murni dan pelbagai lagi untuk dipaparkan kepada masyarakat. Jika dilihat pada kebanyakan karya lukisan dinding di Malaysia ini adalah berunsurkan ilmu dan pengetahuan yang disampaikan oleh pengkarya kepada masyarakat. Pengkarya menganggap karya yang dihasilkan ini mampu memberikan pengetahuan dalam mengingatkan masyarakat tentang beberapa perkara dan mampu mewujudkan kesedaran dalam diri masyarakat.

Antara contoh karya ini memberikan kepentingan terutamanya dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat adalah Street Art Kota Bahru, Kelantan. Menurut penulis kajian ini iaitu Farrah Atikah Saari *et al* (2020) telah menyatakan bahawa kebanyakan karya lukisan dinding di Kelantan ini adalah bertemakan tentang kehidupan masyarakat seperti kisah kehidupan yang dilalui oleh penduduk Palestin. Tidak dinafikan bahawa karya seni dinding ini sedikit sebanyak telah memberikan kesedaran terhadap masyarakat di Malaysia dan mampu memberikan keinsafan tentang kualiti kehidupan di negara ini adalah aman dan sejahtera tidak seperti di negara sana.



Rajah 4.8: Menunjukkan pengetahuan masyarakat tentang kewujudan lukisan dinding

Soalan ketiga dalam borang soal selidik adalah mengenai pengetahuan masyarakat tentang karya lukisan dinding ini sudah lama wujud sejak ribuan tahun dahulu. Mengikut analisis responden yang mengetahui tentang kewujudan lukisan dinding adalah seramai 85 orang responden (85%) manakala selebihnya tidak mempunyai pengetahuan asas tentang perkara yang dikemukakan iaitu seramai 15 orang responden (15%). Apabila menyebut bahawa lukisan ini sudah lama wujud ianya mengingatkan masyarakat terhadap lukisan gua yang dijumpai di kawasan yang pernah menjadi tempat penempatan masyarakat dahulu. Hal ini boleh dilihat atau dibuktikan oleh masyarakat yang terdahulu yang bermula dengan masyarakat yang wujud ketika zaman batu, zaman gangsa dan zaman besi. Zaman-zaman ini adalah bermula dengan Paleolitik di mana masyarakat ketika itu hanya menggunakan barangan batu sahaja dalam aktiviti seharian bagi meneruskan kehidupan (Badrul Amzi, Farizuan Rosli, M.S.M Effendi & Norshah Afizi, 2014). Maka, cara yang mudah untuk memberitahu masyarakat tentang kewujudan mereka ketika itu, masyarakat ini telah menyampaikan dengan cara melukiskan aktiviti seharian di dinding-dinding gua yang menjadi petempatan mereka ketika itu. Hal ini juga terjadi berterusan kepada zaman-zaman seterusnya iaitu zaman Mesolitik dan Neolitik.


Hal ini perlulah diketahui oleh seseorang individu kerana pendedahan ini sudah diberikan ketika berada di bangku sekolah rendah lagi. Dengan, seseorang individu itu mampu mengetahui bagaimana dan lukisan ini boleh wujud dan melalui fasa perkembangan sehingga kini.



Rajah 4.9: Menunjukkan kepentingan karya lukisan dinding terhadap anak muda


Soalan soal selidik yang seterusnya adalah “*adakah karya lukisan dinding mampu untuk memberikan dorongan seperti menjadi sumber inspirasi terhadap anak muda bagi meneruskan perkembangan daya kreativiti yang ada dalam diri mereka?*”. Berdasarkan rajah 4.9 telah menunjukkan analisis data yang diperolehi sebanyak 97 orang responden (97%) yang menyokong bahawa karya lukisan dinding yang dihasilkan ini mampu memberi dorongan kepada anak muda manakala lagi 3 orang responden (3%) tidak menyokong jika mengikuti majoriti yang menyokong karya lukisan dinding telah memberikan kesan dan membawa kepada kepentingan dari segi individu ianya adalah telah memotivasikan diri sendiri terutamanya generasi muda yang sering membuang masa dengan perkara yang tiada hala tuju. Hal ini dikatakan kerana, gaya dan hobi seseorang artis atau pelukis ini mampu mendorong generasi muda kini untuk mendalami

diri mereka sendiri bagi melihat bidang yang diminati oleh mereka. Sebagai contoh, perkembangan idea yang kreatif dan diluaskan dalam menghasilkan karya lukisan ini juga dapat membantu generasi muda untuk mengembangkan hasrat yang diminati oleh mereka. Ini kerana, perkembangan minda dan idea yang kreatif ini boleh menjadikan generasi muda untuk lebih berwawasan dengan diri dengan membantu memajukan hidup sendiri. Jika dipandang pada zaman kini, kebanyakan anak muda terutamanya generasi Z kini adalah lebih kreatif dan mahir dalam bidang kemahiran daripada generasi yang sebelumnya tetapi mereka tidak begitu yakin dengan diri sendiri menyebabkan perasaan minat akan sesuatu itu terkubur dalam diri begitu sahaja. Dengan adanya pembakar semangat dan contoh di depan mata ini dapat mendorong generasi muda untuk meluahkan apa yang diinginkan dan apa sahaja yang diminati tanpa membawa makna yang salah. Hal ini boleh dilihat bagaimana Karya Lukisan ini dapat berkembang dengan begitu cepat di Malaysia ianya adalah daripada semangat inspirasi yang cukup mendalam yang ada dalam diri sendiri telah melahirkan rasa minat akan sesuatu dan ianya perlulah diluahkan dalam bentuk yang nyata bukannya fantasi.



Rajah 4.10: Menunjukkan mengenai dorongan masyarakat terhadap kepentingan karya lukisan dinding

Soalan kelima dalam soal selidik ini adalah berkaitan dengan dorongan masyarakat merupakan kepentingan bagi meneruskan penghasilan karya lukisan dinding. Mengikuti data yang diperolehi selepas mengedarkan soal selidik secara rawak didapati seramai 95 orang responden (95%) yang memilih “ya” dan yang memilih “tidak” adalah seramai 5 orang responden (5%). Kepentingan dari segi masyarakat pula adalah akan mewujudkan masyarakat yang sentiasa menyokong dan memajukan kemajuan anak seni pada masa akan datang. Hal ini kerana, dengan terlahirnya anak seni pada usia muda ini bukan sahaja dapat memajukan ekonomi negara malahan ianya boleh membantu dalam memajukan diri sendiri agar tidak terlena dengan dunia dan peredaran zaman kini. Sebagai contoh, dalam bidang kesenian ini terutamanya dalam bidang pelukisan ini bukan sahaja dalam menjana minda seseorang anak itu tetapi dengan sokongan daripada masyarakat sekelilingnya terutamanya ibu bapa juga dapat meneruskan lagi kejayaan mereka dalam bidang seni lukisan. Masyarakat seperti ini yang diperlukan oleh sesebuah negara bagi memberi peluang kepada generasi baru dan muda untuk mengubah nasib hidup mereka.



Rajah 4.11: Menunjukkan peratusan kepentingan karya lukisan dinding terhadap ekonomi negara

Soalan terakhir bagi kajian soal selidik ini adalah berkaitan dengan “*adakah kewujudan karya lukisan dinding ini mampu memberikan sumbangan kepada sektor ekonomi negara terutamanya dalam industri pelancongan?*”. Di bahagian soalan ini seramai 94 orang responden (94%) yang menyokong bahawa kewujudan karya lukisan dinding ini mampu memberikan sumbangan kepada sektor ekonomi manakala lagi 6 orang responden (6%) tidak bersetuju. Hal ini dikatakan kerana, karya lukisan dinding ini dapat membantu dalam mengharmonikan sesebuah kawasan yang pada asalnya sunyi dan suram daripada menjadi kegiatan manusia. Hal ini dikatakan kerana, jika dilihat kebanyakan dinding dan lorong di sesebuah rumah kedai itu agak menyeramkan dan tidak akan dilalui oleh mana-mana masyarakat kerana mungkin boleh terjadi perkara yang tidak diingin. Dengan adanya lorong-lorong yang dikhaskan untuk menjadi tempat karya lukisan dinding dapat mengeluarkan suasana yang sangat tenang dan akan menjadi tumpuan orang lain. Malahan juga, kedudukan karya lukisan di lokasi dan kawasan persekitaran bangunan bersejarah ini telah sedikit membantu dalam menarik lebih ramai pelancong untuk berkunjung ke kawasan tersebut. Gabungan kedua-dua elemen ini boleh membantu



antara satu sama yang lain dan meningkatkan kemajuan ekonomi negara lagi-lagi dalam sektor pembangunan industri pelancongan.

Kajian yang bertajuk “Lukisan Mural Sebagai Daya Tarikan Pelancongan Warisan: Kesan Terhadap Komuniti Setempat Di Kota Bahru, Kelantan” (2020) turut menyatakan bahawa karya mural ini menjadi salah satu usaha pihak kerajaan untuk membantu masyarakat tempatan dalam meningkatkan pendapatan terutamanya dalam sektor pelancongan warisan. Menurut penulis kajian ini pelancongan warisan ini adalah aktiviti melancong ke tapak-tapak semula jadi seperti taman-taman negara termasuk juga kawasan yang kaya dengan sejarah dan nilai estetika. Kewujudan karya lukisan dinding ini telah mengubah situasi sesebuah tempat yang kaya dengan penceritaan sejarah. Sebagai contoh, seni mural yang wujud di negeri Kelantan telah meningkatkan kemasukan pelancong ke Kelantan sekaligus telah meningkatkan pendapatan kawasan di Kota Bahru. Tidak dilupakan juga ekonomi tempatan turut membantu dalam meningkatkan pendapatan negeri tersebut. Hal ini dikatakan kerana, ekonomi tempatan ini telah terlibat secara langsung seperti membantu dalam mewujudkan perusahaan hotel, pengangkutan dan pemandu pelancongan. Perkara ini turut wujud di beberapa negeri yang lain seperti Georgetown, Penang dan Shah Alam, Selangor.

Di Georgetown, Pulau Pinang meskipun karya lukisan dinding di Pulau Pinang sudah semakin pudar warnanya tetap terkenal. Menurut Chang Shu Fun (2017) karya lukisan dinding di bandar ini telah menyumbang sekaligus telah mempromosikan bandar tersebut menjadi antara bandar yang wajib dikunjungi tidak kira pelancong tempatan mahupun antarabangsa. Lorong atau kawasan yang dahulu mati kini sudah menjadi tumpuan pelancong dan ekonomi tempatan.

Jadual 4.2: Jadual menunjukkan analisis kepentingan karya lukisan dinding

Soalan	Ya	%	Tidak	%
1. Adakah anda mengetahui apakah yang dimaksudkan dengan karya lukisan dinding?	89	89%	11	11%
2. Adakah anda bersetuju tentang karya lukisan dinding ini mampu membawa banyak kepentingan dari sudut individu, masyarakat dan negara?	96	96%	4	4%
3. Adakah anda mengetahui bahawa karya lukisan pada dinding ini sudah wujud ribuan tahun dahulu?	85	85%	15	15%
4. Adakah karya lukisan dinding mampu untuk memberikan dorongan seperti menjadi sumber inspirasi terhadap anak muda bagi meneruskan perkembangan daya kreativiti yang ada dalam diri mereka?	97	97%	3	3%
5. Dorongan masyarakat merupakan salah satu kepentingan bagi meneruskan penghasilan karya lukisan dinding ini?	95	95%	5	5%
6. Adakah kewujudan karya lukisan dinding ini mampu memberikan sumbangan kepada sektor ekonomi negara terutamanya dalam industri pelancongan?	94	94%	6	6%

#### 4.4 Rumusan Bab

Pada bahagian ini dapat dirumuskan bahawa karya lukisan dinding ini sebenarnya mempunyai keunikan yang tersendiri yang masih belum diketahui oleh pelancong yang berkunjung ke kawasan tersebut. Hal ini dikatakan kerana, kebanyakan pelancong yang berkunjung adalah disebabkan oleh pelancong lebih gemar untuk ke kawasan tersebut kerana telah menjadi perbualan hangat di media sosial tentang keindahan kawasan tersebut. Jika dilihat dengan lebih teliti keunikan tersebut boleh dapat terlihat dengan sempurna oleh mata hati mereka. Selain itu, karya lukisan dinding telah memberikan dan sekaligus membawa kepentingan yang sangat menarik tidak kira kepada individu, masyarakat dan negara. Daripada kepentingan ini jugalah dapat meningkatkan lagi pengeluaran atau penghasilan karya lukisan dinding di negara ini sekaligus dapat membantu dalam meningkatkan ekonomi negara.

## BAB 5

### RUMUSAN DAN CADANGAN

#### 5.1 Pengenalan

Pada bahagian ini akan membincangkan mengenai rumusan dan cadangan kajian yang telah dijalankan mengikut objektif yang telah ditetapkan. Pengkaji akan menjelaskan dengan lebih mendalam dan terperinci mengenai rumusan dan cadangan setelah menjalankan kajian dan memperolehi maklumat dan data dari pelbagai kaedah seperti kaedah kepustakaan dan pemerhatian. Rumusan yang akan dijelaskan ini adalah merupakan rumusan yang diambil atau didapati seperti maklumat dan data ketika kajian ini dijalankan oleh pengkaji. Tidak lupa juga, cadangan yang diberikan oleh pengkaji merupakan cadang kepada pihak yang seterusnya dimana akan mewujudkan lagi beberapa kajian mengenai karya lukisan dinding seperti langkah-langkah pemeliharaan bagi memanjangkan lagi jangka hayat sesebuah karya itu. Cadangan yang diberikan oleh pengkaji ini boleh memberikan kebaikan kepada pengkaji lain dan masyarakat dimana karya yang sebegini seharusnya dijaga dengan rapi dan tidak hilang begitu sahaja seperti dikotori dengan situasi kawasan tersebut mahupun oleh masyarakat yang berkunjung ke tempat itu. Hal ini adalah kerana, pengkaji ingin mengekalkan suatu sumber yang boleh menarik perhatian manusia di dunia agar mengetahui akan kewujudan karya-karya lukisan dinding yang menarik di negara sendiri malahan mampu memperkenalkan bahawa istilah bandar bersejarah itu masih wujud dan masih lagi menjadi tumpuan orang ramai meskipun dunia dan teknologi sekarang semakin maju.

## 5.2 Rumusan Keseluruhan Kajian

Kajian ini telah dilaksanakan mengikut objektif yang telah ditetapkan iaitu mempunyai tiga objektif utama dimana yang pertama adalah mengenal pasti keunikan bagi karya lukisan dinding di bandar Georgetown, mengkaji kepentingan karya lukisan dinding dan yang terakhir adalah merungkai langkah-langkah pemeliharaan bagi memanjangkan jangka hayat bagi sebuah karya lukisan dinding. Penularan Covid-19 yang sedang melanda negara kita ianya tidak sedikitpun menjadi kekangan untuk menyiapkan kajian ini meskipun tempat kajian pernah ditutup sebentar kerana ketika itu penularan virus di kawasan itu semakin teruk. Meskipun terdapatnya kekangan objektif yang dinyatakan tetapi dijalankan mengikut kaedah kajian yang telah diketengahkan.

Daripada hasil kajian yang telah diperolehi mengikut objektif pertama kajian, pengkaji telah mendapati bahawa karya lukisan dinding di bandar Georgetown mempunyai daya tarikan sendiri seperti mempunyai keunikan idea dan kawasan itu sendiri yang menjadi kegilaan pelancong dari dalam mahupun luar negara. Idea yang kreatif dan gabungan dengan barang atau objek yang nyata seperti motosikal, basikal dan pelbagai lagi telah menunjukkan bahawa pelukis ini ingin memberikan satu kelainan kepada orang ramai agar dapat merasai dan menjiwai tentang penceritaan lukisan dinding tersebut. Selain itu, kawasan yang dipenuhi dan dikelilingi dengan bangunan kedai lama, jalan raya sehala dan dipenuhi dengan kemudahan menjadi asbab lain atau alasan pelancong memenuhi kawasan tersebut. Kawasan yang cantik dengan jalannya yang sehala dihimpit dengan bangunan lama menyebabkan kawasan itu dipenuhi oleh pejalan kaki, penunggang motosikal dan laluan utama kenderaan. Pemandu dan penunggang daripada masyarakat setempat tidak berasa hairan dan kesah akan kesesakan yang berlaku di kawasan tersebut kerana sudah difahami mereka sendiri.

Seterusnya, objektif kedua ini menyatakan mengenai pandangan masyarakat terhadap kepentingan karya lukisan dinding di Malaysia. Hal ini dikatakan kerana, kepentingan yang diperolehi oleh pengkaji ini sedikit sebanyak telah memberikan maklumat dan data bagi menyempurnakan kajian penyelidikan yang dijalankan. Kepentingan yang dibawa oleh karya lukisan dinding ini merupakan kepentingan sangat penting yang dipandang dari sudut individu, masyarakat dan negara. Selain itu, kepentingan ini adalah penting bagi sesebuah karya lukisan dinding ini diterima oleh masyarakat dan tidak dianggap sebagai aktiviti yang merosakkan sesebuah bangunan. Sebagai contoh, adanya pandangan yang mengatakan bahawa karya lukisan dinding ini merupakan salah satu aktiviti vandalisme dimana ianya merupakan aktiviti yang menconteng pada dinding yang tidak indah apabila dilihat dengan mata. Karya lukisan dinding ini adalah berbeza dengan aktiviti vandalisme ini adalah kerana kebanyakan karya lukisan dinding menceritakan tentang sejarah, aktiviti seharian masyarakat dan menyampaikan satu perasaan yang telah diminta kelulusan untuk melakukan perkara tersebut. Hal ini berbeza dengan aktiviti vandalisme di mana kebanyakan menjelaskan konsep kerosakan dengan menconteng harta benda awam dengan penggunaan bahasa kesat dan gambaran yang tidak elok untuk dilihat. Maka, karya lukisan dinding yang dilukis oleh pelukis ini seharusnya disokong kerana ianya juga merupakan asbab penyumbang utama kepada negara dalam sektor pelancongan.

### **5.3 Cadangan**

Pada bahagian ini adalah merupakan bahagian dimana pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan yang perlu dilakukan untuk mengatasi kelemahan dan kekurangan yang melibatkan penjagaan karya lukisan dinding di bandar Georgetown. Hal ini dikatakan kerana penjagaan yang betul mampu untuk memanjangkan jangka hayat

sebuah lukisan mural ianya akan menjadi tumpuan yang berterusan terhadap pengunjung yang datang. Malahan pula, karya lukisan dinding di bandar tersebut sudah menjadi tumpuan masyarakat sejak beberapa tahun yang lalu. Hal ini adalah disebabkan karya lukisan dinding tersebut berada di kawasan yang cantik dan unik di mana dikelilingi oleh bangunan dan kemudahan awam. Cadangan yang akan dikemukakan ini adalah merupakan satu cadangan yang perlu dilakukan oleh generasi hadapan bagi mengekalkan terus karya lukisan dinding. Sebagai contoh, generasi depan boleh melakukan kajian secara lanjut dan terperinci mengenai langkah-langkah pemeliharaan bagi sebuah karya lukisan dinding dengan mencari pakar-pakar yang mempunyai pengetahuan dan ilmu mengenai pemeliharaannya. Hal ini dikatakan kerana, pada masa kini tidak begitu ramai pakar yang mahu untuk berkongsi akan kemahiran mereka dalam bidang konservasi lukisan *mural* kerana mungkin mereka memikirkan bahawa langkah-langkah pemeliharaan tersebut membawa kos yang tinggi ataupun kerana kewujudan teknologi lebih canggih pada masa kini penjagaan terhadap lukisan dinding tidak lagi menjadi perhatian masyarakat. Kepentingan dalam pemeliharaan lukisan dinding ini ianya mampu untuk menarik lagi perhatian masyarakat luar sekaligus mampu meningkatkan dan mengembangkan lagi industri pelancongan sesebuah negeri dan negara.

## 5.5 Penutup

Kesimpulannya, pada keseluruhannya bab ini pengkaji dapat menyimpulkan kajian ini daripada bab satu hingga bab lima adalah menjelaskan mengenai keunikan karya lukisan dinding dan langkah pemeliharaannya adalah sangat penting dan haruslah dijaga. Hal ini dikatakan kerana, keunikan yang terlihat unik dan luar biasa ini sebenarnya mampu untuk menjadi warisan kepada negeri tersebut agar dapat membantu dan menjadi tunjang salah satu nilai komersial yang sangat penting. Kunjungan pelancong yang ramai ke

bandar sejarah bukan sahaja untuk melihat karya lukisan dinding tetapi akan membuatkan pelancong untuk menerokai dan mencari tempat yang mempunyai nilai sejarah seperti Muzium Perang, Muzium Pulau Pinang dan banyak lagi. Penjagaan karya lukisan dinding ini adalah untuk membantu agar lukisan itu tidak hilang disebabkan oleh kawasan persekitarannya. Justeru itu, kawasan tersebut perlulah untuk dikawal untuk menjaga dan memanjangkan hayat karya lukisan tersebut untuk menjadi tatapan kepada generasi akan datang tentang kewujudan satu lagi karya yang boleh dikatakan telah wujud beribu tahun yang lalu.



## RUJUKAN

(n.d.).

Adnan Jusoh, Y. S. (2017, December). *Lukisan Gua Di Semenanjung Malaysia: Motif dan Simbolisme Serta Kaitannya Dengan Sosiobudaya Masyarakat Setempat*. Retrieved from Research Gate:  
[https://www.researchgate.net/publication/320724737\\_Lukisan\\_gua\\_di\\_Semenanjung\\_Malaysia\\_Motif\\_dan\\_simbolisme\\_serta\\_kaitannya\\_dengan\\_sosiobudaya\\_masyarakat\\_setempat](https://www.researchgate.net/publication/320724737_Lukisan_gua_di_Semenanjung_Malaysia_Motif_dan_simbolisme_serta_kaitannya_dengan_sosiobudaya_masyarakat_setempat)

Apandi, W. N. (2018). *Perbezaan Seni Mural dan Grafiti* . Retrieved from UITM:  
<https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/29922/1/29922.pdf> .

Badrul Azmi, M. F. (2014). *Sejarah dan Apresiasi Seni Lukisan dan Seni Reka*. Retrieved from Research gate:  
[https://www.researchgate.net/publication/270961734\\_SEJARAH\\_DAN\\_APRESIASI\\_SENI\\_LUKIS\\_DAN\\_SENIREKA](https://www.researchgate.net/publication/270961734_SEJARAH_DAN_APRESIASI_SENI_LUKIS_DAN_SENIREKA)

Daud, R. (2020, August 15). *Mural Dirosakkan Tapi Kami Tidak Patah Semangat*. Retrieved from Astro Awani: <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/mural-dirosakkan-tapi-kami-tak-patah-semangat-kata-pelukis-mural-agong-255285>

Elham Saadati, S. R. (2014, December 26). *Critical Review On The Role Of Georgetown Pulau Pinang* . Retrieved from Research Gate:  
[https://www.researchgate.net/publication/301869372\\_Critical\\_Review\\_on\\_the\\_Role\\_of\\_Street\\_Art\\_of\\_George\\_Town\\_Pulau\\_Pinang](https://www.researchgate.net/publication/301869372_Critical_Review_on_the_Role_of_Street_Art_of_George_Town_Pulau_Pinang)

Ezakaria, A. B. (2010). *Unsur Seni, Elemen dan Prinsip Rekaan*. Retrieved from Blogspot:  
<http://amalina-zakaria.blogspot.com/p/unsur-seni-elemen-dan-prinsip-rekaan.html>

Farrah Atikah Saari, D. H. (2020). *Lukisan Mural Sebagai Daya Tarikan Pelancongan Warisan: Kesan Terhadap Komuniti Setempat di Kota Bahru, Kelantan*. Retrieved from UKM:  
<http://spaj.ukm.my/jurnalarkeologi/index.php/jurnalarkeologi/article/view/231>

Fun, C. S. (2017). *Street Art Sparkle As A New Economic Driver in Penang*. Retrieved from Reka Jurnal USM: [https://rekajournal.usm.my/images/Volume\\_1/paper14E\\_002.pdf](https://rekajournal.usm.my/images/Volume_1/paper14E_002.pdf)

Hidayatullah, R. R. (2019, April). *Estetika Seni*. Retrieved from Research Gate:  
[https://www.researchgate.net/publication/332652425\\_ESTETIKA\\_SENI](https://www.researchgate.net/publication/332652425_ESTETIKA_SENI)

Hua, A. K. (2016). *Pengenalan Rangkakerja Metodologi Dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian*. Retrieved from Media.Neliti: <https://media.neliti.com/media/publications/322466-pengenalan-rangkakerj>

- Hussain, S. A. (2015). *Faktor Motivasi Pelancong Berkunjung Ke Kawasan Karya Seni Jalanan Di Georgetown Pulau Pinang*. Retrieved from Academia:  
[https://www.academia.edu/31156631/Faktor\\_motivasi\\_pelancong\\_berkunjung\\_ke\\_kawasan\\_karya\\_seni\\_jalanan\\_di\\_Georgetown\\_Pulau\\_Pinang](https://www.academia.edu/31156631/Faktor_motivasi_pelancong_berkunjung_ke_kawasan_karya_seni_jalanan_di_Georgetown_Pulau_Pinang)
- Jasmi, K. A. (2018, December 28). *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. Retrieved from Research Gate:  
[https://www.researchgate.net/publication/293097563\\_Metodologi\\_Pengumpulan\\_Data\\_dalam\\_Penyelidikan\\_Kualitatif](https://www.researchgate.net/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatif)
- Junior Kimwah, H. B. (2018, October 16). *Tinjauan Awal Terhadap Lukisan Gua Kain Hitam (The Painted Cave) Niah Sarawak*. Retrieved from USM:  
<https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/GA/article/view/1570/989>
- Pinang, M. B. (2010). *Garisan Panduan Lukisan Dinding (Mural Painting) Dalam Tapak Warisan Dunia, George Town*. Retrieved from Mbpp:  
[http://www.mbpp.gov.my/sites/default/files/garis\\_panduan\\_lukisan\\_dinding.pdf](http://www.mbpp.gov.my/sites/default/files/garis_panduan_lukisan_dinding.pdf)
- Pinang, P. R. (2005). *Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2005-2020*. Retrieved from Geoportal.penang.gov:  
<http://jpbdgeoportal.penang.gov.my/jpbdc/CD%20LAPORAN%20PEMERIKSAAN/html/pelancongan.html>
- Sari, M. (2019). *Efektifitas Mural Graffiti Terhadap Kesedaran Berlalu Lintas Warga Kota Banda Aceh*. Retrieved from Repository.ar: <https://repository.ar-raniry.ac.id/id/eprint/7943/1/Milda%20Sari.pdf>
- Zainodin, S. I. (2018). *Seni Lukisan Jalanan Mural & Graffiti: Estetika dan Pandangan Masyarakat*. Retrieved from UNIMAS:  
[https://ir.unimas.my/id/eprint/29057/1/Seni%20Lukisan%20Jalanan%20Mural%20dan%20Graffiti-Eстетika%20dan%20pandangan%20masyarakat%20\(24%20pgs\).pdf](https://ir.unimas.my/id/eprint/29057/1/Seni%20Lukisan%20Jalanan%20Mural%20dan%20Graffiti-Eстетika%20dan%20pandangan%20masyarakat%20(24%20pgs).pdf)
- Zainodin, S. I. (2018, May). *Seni Lukisan Jalanan Mural Dan Graffiti: Estetika Dan Pandangan Masyarakat*. Retrieved from Research Gate:  
[https://www.researchgate.net/publication/325281949\\_Seni\\_Lukisan\\_Jalanan\\_Mural\\_Dan\\_Graffiti\\_Eстетika\\_Dan\\_Pandangan\\_Masyarakat](https://www.researchgate.net/publication/325281949_Seni_Lukisan_Jalanan_Mural_Dan_Graffiti_Eстетika_Dan_Pandangan_Masyarakat)
- Zuliskandar, M. M. (2015, September). *Pelancongan Berasaskan Warisan Di Malaysia: Potensi dan Perubahan*. Retrieved from Research Gate:  
[https://www.researchgate.net/publication/305282391\\_Pelancongan\\_berasaskan\\_warisan\\_di\\_Malaysia\\_potensi\\_dan\\_cabaran](https://www.researchgate.net/publication/305282391_Pelancongan_berasaskan_warisan_di_Malaysia_potensi_dan_cabaran)

## LAMPIRAN A

### **BORANG SOAL SELIDIK**

Tujuan soal selidik ini diedarkan secara rawak adalah bagi mendapatkan maklumat dan data tentang “Kepentingan Karya Lukisan Dinding” yang semakin popular di Malaysia. Dalam borang soal selidik ini terdapat dua bahagian iaitu Bahagian A (Demografi Responden) dan Bahagian B yang berkaitan dengan soalan yang ditujukan kepada masyarakat.

### **BAHAGIAN A**

#### **Jantina:**

Lelaki ( )

Perempuan ( )

#### **Umur:**

17 tahun – 25 tahun ( )

26 tahun – 34 tahun ( )

35 tahun – 43 tahun ( )

44 tahun ke atas ( )

#### **Tahap Pendidikan:**

Sijil Pelajaran Malaysia ( )

Diploma ( )

Ijazah Sarjana Muda ( )

Sarjana Muda ( )

Lain-lain ( )

**BAHAGIAN B**

Soalan	Ya	Tidak
1. Adakah anda mengetahui apakah yang dimaksudkan dengan karya lukisan dinding?		
2. Adakah anda bersetuju tentang karya lukisan dinding ini mampu membawa banyak kepentingan dari sudut individu, masyarakat dan negara?		
3. Adakah anda mengetahui bahawa karya lukisan pada dinding ini sudah wujud ribuan tahun dahulu?		
4. Adakah karya lukisan dinding mampu untuk memberikan dorongan seperti menjadi sumber inspirasi terhadap anak muda bagi meneruskan perkembangan daya kreativiti yang ada dalam diri mereka?		
5. Dorongan masyarakat merupakan salah satu kepentingan bagi meneruskan pengkasilan karya lukisan dinding ini?		
6. Adakah kewujudan karya lukisan dinding ini mampu memberikan sumbangan kepada sektor ekonomi negara terutamanya dalam industri pelancongan?		

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN


**CARTA GANT SEPANJANG MENJALANKAN KAJIAN PENYELIDIKAN DAN  
MENYELIDIKAN LAPORAN PENULISAN PELAKSANAAN DRAF METODOLOGI  
PENYELIDIKAN**

**(KEUNIKAN KARYA LUKISAN DINDING DI SEKITAR GEOGETOW PULAU PINANG)**


TAHUN / SEM	Semester Februari 2021				Semester September 2021				2022	
	3	4	5	6	9	10	11	12	1	2
<b>Bulan</b>										
Aktiviti										
Perjumpaan Bersama Penyelia (Tajuk Kajian)	/									
Draf Awal	/									
Bab 1: Pengenalan		/								
Bab 2: Kajian Terdahulu		/								
Bab 3: Metodologi Kajian		/								
Penyuntingan			/							
Pembentangan PP 1				/						
Pembetulan				/						
Penghantaran PP 1				/						
Draf Awal Bab 4 dan Bab 5					/					
Kumpul dan Analisis Data					/					
Penulisan dan Semakan								/	/	
Pembentangan Laporan Akhir										/
Penyediaan Naskah Berjilid										/



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN